



OWNER'S MANUAL

NMAX

2DP-F8199-30

*Get your 2(Two) free service coupon
from your motorcycle dealers.*
***Sila dapatkan 2(Dua) kupon servis percuma
dari pengedar/penjual motosikal anda.***
请向您的 电单车 代理商领取
2(两)张免费的维修卷。



Read this manual carefully before operating this vehicle. This manual should stay with this vehicle if it is sold.

PENGENALAN

Selamat datang ke dunia motosikal Yamaha!

Sebagai pemilik motosikal NMAX, anda bertuah kerana Yamaha mempunyai pengalaman yang amat luas dan teknologi baru terhadap reka bentuk dan pengeluaran produk yang berkualiti tinggi, di mana ianya memberikan Yamaha reputasi yang benar-benar boleh diharapkan. Sila luangkan masa membaca buku panduan ini, supaya dapat mengetahui kesemua kelebihan dan keistimewaan motosikal NMAX. Buku panduan ini bukan hanya memberitahu bagaimana untuk menyelenggara, memeriksa dan penjagaan motosikal, tetapi juga bagaimana untuk melindungi diri dan orang lain daripada masalah dan kecederaan.

Sebagai tambahan, banyak panduan-panduan yang di berikan di dalam buku panduan ini, akan membantu anda untuk mengekalkan keadaan motosikal anda dalam keadaan yang terbaik. Jika anda mempunyai sebarang pertanyaan, sila hubungi wakil penjual Yamaha.

Kami dan pasukan Yamaha, mendoakan semoga perjalanan anda selamat dan menyeronokkan. Oleh itu, ingatlah untuk mengutamakan keselamatan!. Yamaha akan terus mencari kemajuan dalam rekabentuk dan kualiti produk. Oleh itu, ianya mengandungi informasi yang terkini semasa buku panduan ini dicetak, ia mungkin mengandungi sedikit perselisihan informasi antara motosikal dan buku panduan. Jika terdapat pertanyaan mengenai buku panduan, hubungi wakil Yamaha.



AMARAN

Sila baca buku ini dengan teliti dan lengkap sebelum mengendalikan motosikal ini.

MAKLUMAT PENTING PEMANDUAN

Maklumat penting di dalam buku panduan ini dapat dikelaskan dengan simbol seperti berikut:

	Ini simbol keselamatan berjaga-jaga. Untuk memberitahu mengenai risiko kemungkinan kemalangan. Patuhi semua meseg yang mempunyai simbol ini untuk mengelak daripada kemalangan atau kematian.
 AMARAN	AMARAN menandakan risiko dimana, jika tidak dielak, mungkin menyebabkan kecederaan serius atau kematian.
PERHATIAN	PERHATIAN menandakan tindakan berjaga-jaga yang perlu diamabil untuk mengelak daripada kerosakan pada motosikal atau harta benda lain.
TIP	TIP memberikan maklumat penting untuk memudahkan atau menjelaskan langkah-langkah pengendalian motosikal.

*Produk dan spesifikasi boleh ditukar tanpa notis.

MAKLUMAT PENTING PEMANDUAN

2DP-F8199-30

BUKU PANDUAN PEMILIK

©2016 oleh Yamaha Motor Co., Ltd.

Cetakan Pertama, Januari 2016

Hak cipta terpelihara.

**Tidak boleh diterbitkan semula, disimpan
dalam cara yang boleh digunakan lagi,
ataupun digunakan lagi, tanpa izin
terlebih dahulu dari**

Yamaha Motor Co., Ltd

Dicetak di Malaysia

ISI KANDUNGAN

LOKASI LABEL PENTING	1-1
-----------------------------------	-----

MAKLUMAT KESELAMATAN	2-1
Keterangan lanjut panduan keselamatan.....	2-5

KETERANGAN	3-1
Pandangan kiri.....	3-1
Pandangan kanan.....	3-2
Alatan dan kawalan.....	3-3

ALATAN DAN FUNGSI

KAWALAN	4-1
Suis Utama/Kunci stering.....	4-1
Penutup lubang kunci.....	4-2
Lampu penunjuk dan lampu amaran.....	4-2
Unit meter pelbagai fungsi.....	4-4
Suis handlebar.....	4-9
Tuill brek depan.....	4-10
Tuill brek belakang.....	4-10
ABS (Modal ABS sahaja).....	4-10
Penutup tangki bahan api.....	4-11
Bahan api.....	4-12
Hos melimpah bahan api.....	4-13
Penukaran catalytic.....	4-14
Tempat duduk.....	4-14
Tempat menyimpan barangan.....	4-15
Pangsi sisi.....	4-16
Sistem menghentikan injap.....	4-17

PEMERIKSAAN KESELAMATAN SEBELUM MENUNGGANG	5-1
---	-----

OPERASI DAN PANDUAN PENTING PENUNGGANG	6-1
Menghidupkan enjin.....	6-1
Permulaan penunggang.....	6-2
Penunggan laju & perlahan.....	6-2
Brek.....	6-3
Tip mengurangkan penggunaan bahan api.....	6-3
Permulaan pengoperasikan enjin..	6-3
Parkir motosikal.....	6-4
Catatan Am.....	6-5

PENYELENGGARAAN BERKALA DAN PEMBAIKAN MUDAH	7-1
Bag alatan pemilik.....	7-1
Carta penyelenggaraan berkala untuk sistem kawalan kadar pengeluaran gas	7-2
Penyelenggaraan Am dan pelinciran.....	7-3
Mengeluar dan memasang panel..	7-7
Memeriksa palam pencucuh.....	7-8
Minyak enjin dan elemen penapis minyak.....	7-10
Minyak transisi.....	7-12
Penyejuk enjin.....	7-13
Elemen penapis udara dan kotak V-belt elemen penapis udara.....	7-15

Memeriksa pemegang pendikit gerak bebas.....	7-17
Jarak bebas injap.....	7-17
Tayar.....	7-18
Roda cast.....	7-19
Memeriksa bahagian depan dan belakang pedal brek gerak bebas....	7-20
Pemeriksaan pad brek hadapan dan belakang.....	7-20
Pemeriksaan paras cecair brek....	7-21
Penukaran cecair brek.....	7-22
Memeriksa V-belt.....	7-23
Memeriksa dan melincir kabel.....	7-23
Memeriksa dan melincir pemegang pendikit dan kabel.....	7-23
Melincirkan depan dan belakang tuill brek.....	7-24
Memeriksa dan melincir pangsi tengah dan pangsi sisi.....	7-24
Memeriksa cabang depan.....	7-25
Memeriksa stereng.....	7-26
Memeriksa galas roda.....	7-26
Bateri.....	7-26
Mengantikan fuis.....	7-28
Lampu depan.....	7-29
Mengantikan mentol lampu bantuan.....	7-29
Lampu brek.....	7-30
Mengantikan mentol lampu belakang.....	7-31

ISI KANDUNGAN

Menggantikan mentol lampu isyarat depan.....	7-33
Menggantikan mentol lampu isyarat belakang.....	7-33
Penentuan masalah.....	7-35
Carta penentuan masalah.....	7-36

PENJAGAAN DAN PENYIMPANAN

MOTOSIKAL	8-1
Penjagaan pelupusan warna.....	8-1
Penjagaan.....	8-1
Penyimpanan.....	8-3


SPESIFIKASI	9-1
--------------------------	-----

MAKLUMAT PENGGUNA	10-1
Nombor pengenalan.....	10-1

LOKASI LABEL PENTING

1

Baca dan fahami semua label pada motosikal ini. Ia mengandungi maklumat penting keselamatan dan cara pengendalian motosikal yang betul. Jangan tanggalkan mana-mana label pada motosikla anda. Jika label menjadi sukar untuk dibaca atau tercabut, penggantian label boleh diperolehi daripada wakil Yamaha.



POSISI PENTING LABEL

1

		
100kPa=1bar	kPa, psi	kPa, psi
	150, 22	250, 36
	150, 22	250, 36

2DP-F1668-00

2

 AMARAN
Sila baca buku ini dengan teliti sebelum pengendalian.
BERAT MAKSIMA
Kotak depan : 1,5 kg Kotak tempak duduk : 5 kg

2DP-F1568-20

1



MAKLUMAT KESELAMATAN

2

Jadilah Pengguna yang Bertanggungjawab

Sebagai pengguna motosikal, anda bertanggungjawab ke atas keselamatan dan pengendalian motosikal yang betul. Motosikal adalah kenderaan satu-laluan. Keselamatan dan pengendalian motosikal bergantung kepada teknik penunggangan yang betul dan juga kemahiran penunggang. Setiap penunggang motosikal harus tahu keperluan seperti berikut sebelum menunggang motosikal.

Anda perlu:

- Memperoleh arahan yang lengkap dari sumber yang betul dalam semua aspek pengendalian motosikal.
- Sentiasa berwaspada dengan tanda amaran dan keperluan penjagaan di dalam buku panduan.
- Memperoleh latihan dalam teknik penunggangan yang betul dan selamat.
- Memperoleh teknikal servis yang profesional seperti yang ditunjukkan di dalam buku panduan dan/atau jika di-perlukan oleh keadaan mekanikal.

- Jangan sekali menunggang motorsikal tanpa sebarang latihan atau arahan. Harus mempelajari khusus latihan. Penunggang yang baru harus mendapat latihan daripada pelatih yang berwibawa. Sila hubungi pengedar motorsikal untuk mendapat maklumat pelatih yang berdekatan.

Penungganggan selamat

Lakukan pemeriksaan sebelum kendalian setiap kali ingin menggunakan motosikal untuk memastikan ianya selamat untuk dikendalikan. Kegagalan untuk memeriksa dan mengekalkan motosikal dalam keadaan baik memungkinkan kemalangan atau kerosakan peralatan. Lihat muka surat 5-1 untuk senarai pemeriksaan kendalian.

- Motosikal ini direka untuk membawa penunggang dan pembonceng.
- Kegagalan pemandu kenderaan untuk mengesan dan mengenai pasti penunggang motosikal adalah punca utama kemalangan kenderaan/motosikal. Kebanyakan kemalangan disebabkan pemandu kenderaan yang tidak perasan

kewujudan motosikal. Pastikan penunggang menunggang dalam keadaan yang mudah dilihat untuk mengelakkan kemalangan.

Oleh itu:

- Pakai jaket yang berwarna terang.
- Lebih berhati-hati apabila menghampiri atau melalui simpang laluan yang sentiasa berlakunya kemalangan motosikal.
- Menunggang di ruang yang dapat dilihat oleh pemandu kenderaan. Elakkan daripada menunggang di ruang yang terhalang daripada pandangan pemandu kenderaan.
- Jangan membuat sebarang penyelenggaraan tanpa mempunyai sebarang pengetahuan. Hubungilah kakitangan yang berlesen untuk mendapat serba sedikit tentang penyelenggaraan mudah. Sesetengah penyelenggaraan hanya boleh dilakukan oleh kakitangan yang berlesen sahaja.



MAKLUMAT KESELAMATAN

2

- Kebanyakan kemalangan melibatkan penunggang yang tidak berpengalaman. Pada hakikatnya, kebanyakan penunggang yang terlibat dalam kemalangan tidak mempunyai lesen menunggang motosikal.
- Pastikan bahawa anda berkelayakan dan meminjamkan motosikal hanya kepada pengendali yang berkelayakan sahaja.
- Mengetahui kemahiran dan kemampuan. Menunggang dengan kemampuan akan dapat mengelakkan diri dari kemalangan.
- Kami mencadangkan supaya latihan menunggang di jalanraya yang tidak sibuk sehingga sudah bersedia dan dapat membiasakan diri dengan motosikal dan dapat mengawal kendaliannya dengan sebaik mungkin.
- Kebanyakan kemalangan berlaku disebabkan kesilapan penunggang motosikal. Salah satu kesalahan yang sering dilakukan oleh penunggang motosikal ialah semasa membelok memakan laluan yang lebih dari yang sepatutnya, dengan kelajuan tinggi atau diluar kawalan (tidak cukup kecondongan sudut dalam kelajuan tinggi).
- Sentiasa mematuhi had kelajuan dan jangan memandu dengan kelajuan lebih daripada yang dibenarkan di jalan raya dan keadaan lalu lintas.
- Sentiasa memberikan lampu isyarat sebelum membelok atau menukar laluan. Pastikan agar pemandu kereta lain boleh melihat anda.
- Cara duduk tubuh badan penunggang dan pembonceng adalah penting untuk pemanduan yang betul.
 - Penunggang harus sentiasa menetapkan kedudukan kedua-dua tangan di handlebar dan kedua-dua kaki di tempat rehat kaki penunggang untuk mengekalkan kawalan motosikal.
 - Pembonceng harus sentiasa memegang penunggang motosikal atau bar pemegang dengan kedua-dua tangan dan kedua-dua kaki sentiasa letak diatas tempat rehat kaki pembonceng. Jangan mengambil pembonceng sehingga dia dapat meletakkan kaki pada tempat rehat kaki dengan kemas.
- Jangan menunggang di bawah pengaruh alkohol atau dadah.
- Motosikal ini hanya dicipta untuk ditunggang diatas jalan raya sahaja.

Pemakaian perlindungan

Kebanyakan kematian yang berlaku dalam kemalangan motosikal adalah disebabkan oleh kecederaan pada bahagian kepala. Penggunaan topi keledar keselamatan adalah satu faktor penting dalam mengelakkan atau mengurangkan kecederaan di bahagian itu.

- Sentiasa memakai topi keledar yang diluluskan.
- Memakai pelindung muka atau pelindung mata. Jika tidak memakai pelindung mata, angin yang masuk kedalam mata boleh mengaburi penglihatan daripada melihat keadaan yang berbahaya.
- Penggunaan jaket, kasut bersesuaian, seluar panjang, sarung tangan, dan lain-lain adalah berkesan untuk mengelak atau mengurangkan luka akibat geseran atau kecederaan.
- Jangan memakai pakaian yang longgar, ianya boleh mempengaruhi kawalan tuil, atau roda dan seterusnya boleh menyebabkan kecederaan atau kemalangan.
- Sentiasa memakai pakaian yang dapat melindungi kaki, buku lali dan tapak kaki. Enjin dan ekzos akan menjadi panas apabila atau selepas motosikal digunakan dan boleh menyebabkan kulit melecur.
- Pembonceng juga haruslah mematuhi arahan keselamatan seperti di atas.

MAKLUMAT KESELAMATAN

2

Elakkan Keracunan Karbon Monoksida

Semua ekzos pada enjin mengandungi karbon monoksida, gas yang mendatangkan maut. Bernafas udara yang mengandungi karbon monoksida akan menyebabkan sakit kepala, pening, sesak nafas, rasa loya, kebingungan dan berkemungkinan mendatangkan maut.

Karbon monoksida tidak berwarna, tidak berbau, tiada rasa yang mana akan ada walaupun anda tidak lihat atau bau asap ekzos. Tahap bahaya karbon monoksida boleh meningkat dengan cepat dan boleh menjadikan kehilangan kawalan diri dalam masa yang singkat. Juga, gas ini boleh berada dalam ruang yang mempunyai pengudaraan yang lemah selama beberapa jam atau mungkin beberapa hari. Jika anda mengalami simptom-simptom keracunan gas karbon monoksida ini, tinggalkan kawasan itu secepat mungkin, dapatkan udara yang segar dan DAPATKAN RAWATAN PERUBATAN.

- Jangan hidupkan enjin di dalam kawasan tertutup. Walaupun menggunakan kipas ataupun membuka tingkap dan pintu untuk pengudaraan, karbon monoksida boleh meningkat ke paras bahaya dengan cepat.
- Jangan hidupkan enjin dalam ruang yang mempunyai pengudaraan yang lemah dan kawasan yang separuh tertutup seperti garaj, bangsal atau tempat letak kereta yang berbumbung.

- Jangan hidupkan enjin di kawasan luar yang boleh menyebabkan asap ekzos memasuki bangunan melalui tingkap ataupun pintu.

Bebanan

Menambah muatan atau alatan tambahan pada motosikal boleh menjejaskan kestabilan dan kawalan sekiranya pengagihan berat berbeza. Untuk mengelak kemungkinan berlakunya kemalangan, berhati-hati semasa menambah alatan tambahan atau muatan dan pemanduan yang cermat. Disini, disediakan informasi mengenai alatan tambahan dan panduan am untuk diikuti apabila menambah muatan pada motosikal:

Jumlah berat penunggang, pembonceng, alatan tambahan dan muatan tidak boleh melebihi berat maksimum yang telah ditetapkan. **Pengendalian yang melebihi muatan akan menyebabkan kemalangan.**

Berat maksima:

168 kg (370 lb)

Apabila membawa muatan dengan berat yang ditetapkan, sentiasa mengikuti arahan berikut:

- Berat muatan dan alat kelengkapan sepatutnya diletakkan rendah dan dekat dengan motosikal seboleh mungkin. Pastikan pengagihan berat diantara kedua-dua belah sisi motosikal anda adalah seimbang untuk mengurangkan ketidakseimbangan atau meningkatkan kestabilan.
- Penukaran berat boleh membuatkan ketidakseimbangan secara tiba-tiba. Pastikan alat kelengkapan dan muatan diletakkan dengan cara yang selamat pada motosikal sebelum ditunggang. Sentiasa periksa ikatan kesemua alat kelengkapan dan muatan.
 - Melaras suspensi bersesuaian dengan berat muatan, (modal yang mempunyai suspensi pelarasan sahaja) dan periksa tekanan angin dan keadaan tayar.
 - Jangan letakkan sesuatu yang besar atau berat pada handlebar, cabang hadapan atau alas geseran hadapan. Kesemua alat ini, boleh menyebabkan ketidakstabilan pengawalan atau pengawalan pemusingan stereng.
- Motosikal ini tidak direka untuk menarik kenderaan lain atau dipasang kereta penunggang disebelahnya.



Alatan Tambahan Tulen Yamaha

Pemilihan alatan tambahan untuk motosikal anda adalah keputusan yang penting. Alatan tambahan tulen yang hanya terdapat pada wakil Yamaha telah pun direka, diuji dan diluluskan oleh Yamaha untuk kegunaan motosikal anda. Banyak syarikat yang tiada jalinan antara Yamaha mengeluarkan komponen dan alatan tambahan atau memberikan pengubahsuaian pada motosikal Yamaha. Yamaha tidak akan menguji produk yang dikeluarkan oleh syarikat-syarikat lain. Oleh itu, Yamaha tidak menggalakkan pemasangan alatan ataupun pengubahsuaian motosikal yang tidak dikeluarkan dan dijual oleh Yamaha, walaupun ia dijual dan dipasang oleh wakil Yamaha.

Barangan Selepas Pasaran, Alatan Tambahan dan Pengubahsuaian

Anda akan dapat jumpa produk-produk barangan selepas pasaran yang seakan-akan sama bentuk dan kualiti dengan alatan tambahan tulen Yamaha, menyedari sesetengah alatan tambahan selepas pasaran atau pengubahsuaian tidak sesuai disebabkan oleh risiko keselamatan kepada penunggang atau orang lain. Memasang produk selepas pasaran ataupun membuat modifikasi

pada motosikal yang mengubah bentuk dan pengendalian motosikal boleh mendatangkan risiko yang tinggi untuk cedera atau kematian pada penunggang dan orang lain. Anda bertanggungjawab pada kecederaan berkenaan berikutan pengubahsuaian pada motosikal.

Ingat panduan berikut dan juga yang telah diberikan pada bahagian 'Bebanan' apabila memasang alatan tambahan.

- Jangan memasang alatan tambahan atau membawa muatan yang boleh menjejaskan prestasi motosikal. Berhati-hati memeriksa alatan tambahan sebelum menggunakannya untuk memastikan ianya tidak menghalang kelancaran apabila selekoh atau jalan lurus, tidak menghalang operasi suspensi, pergerakan stereng ataupun pengendalian kawalan atau kemalapan lampu dan pemantul cahaya.
- Alatan tambahan yang dipasang pada handlebar ataupun pada cabang hadapan menjadikan motosikal tidak stabil, ini disebabkan pengagihan beban dan daya gerakan yang tidak seimbang. Jika alatan tambahan perlu dipasang pada handlebar atau pada cabang hadapan pastikan ia tidak mempunyai berat yang berlebihan.

- Alatan tambahan yang besar dan mengambil banyak ruang memberi kesan yang serius dalam kestabilan motosikal disebabkan oleh daya gerakannya. Angin kuat akan menolak motosikal dan menjadikannya tidak stabil. Alatan tambahan yang besar juga akan menyebabkan motosikal menjadi hilang keseimbangan sekiranya semasa memotong atau dipotong oleh kenderaan besar.
- Sesetengah alatan tambahan menyebabkan penunggang berada pada posisi tunggangan yang tidak sepatutnya. Ketidaksesuaian ini menghadkan pergerakan penunggang. Oleh itu, alatan tambahan tidak digalakkan.
- Berhati-hati semasa memasang alatan tambahan elektrik. Jika alatan tambahan elektrik ini melangkaui kapasiti sistem elektrik motosikal, ia mungkin akan menyebabkan kegagalan elektrik, lampu tidak berfungsi atau kegagalan kuasa enjin.



MAKLUMAT KESELAMATAN

2

Barangan Selepas Pasaran, Tayar dan Rim

Tayar dan rim yang dipasang besama motosikal anda adalah direka khas untuk membolehkan motosikal anda berfungsi pada tahap yang tertinggi, serta memberikan kombinasi terbaik dari segi pengendalian, brek dan keselesaan. Kombinasi tayar serta rim yang berlainan saiz berkemungkinan tidak sesuai untuk dipasang pada motosikal anda. Sila rujuk muka surat 7-18 untuk memperolehi maklumat lanjut tentang spesifikasi tayar yang digunakan serta langkah-langkah untuk menggantikan tayar.

Mengangkut Motosikal anda:

Pastikan anda mengikut arahan-arahan yang tertera terlebih dahulu sebelum mengangkut motosikal anda dengan menggunakan kenderaan lain.

- Keluarkan semua alatan yang longgar daripada motosikal anda terlebih dahulu.
- Arahkan roda depan lurus ke depan trailer atau di atas lori, dan selitkan roda kedalam sebuah rail kecil untuk mencegah gerakan.
- Pastikan motosikal anda diikat dengan selamat pada bahagian yang penting seperti pada rangka motosikal atau pada atas cabang hadapan motosikal

dan bukan pada pemegang getah motosikal, tuil lampu isyarat atau pada bahagian lain yang mudah patah. Sila pilih lokasi yang sesuai untuk mengikat motosikal anda pada kenderaan lain, supaya tidak berlakunya geseran pada bahagian motosikal yang telah dicat semasa diangkut.

- Penggantungan motosikal seharusnya dimampat dengan menggunakan tali supaya motosikal anda akan berada dalam keadaan yang stabil ketika diangkut.

Keterangan lanjut panduan keselamatan

- Pastikan yang lampu isyarat dipasang ketika membuat pusingan.
- Jalanraya yang basah menyukarkan pembrekan. Elakkan menekan brek secara melulus sebab ia akan menyebabkan kegelinciran motosikal. Tekan brek secara perlahan apabila hendak berhenti di kawasan basah.
- Perlahankan motosikal apabila menurun ke kawasan lencongan dan menaikkan kelajuan secara perlahan-lahan.
- Berhati-hati semasa melalui kereta yang telah parkir. Pemandunya mungkin tidak melihat kamu semasa membuka pintu keretanya.
- Lintasan keretapi, lintasan kereta, serpihan pembinaan, penutup lubang binaan akan menjadi agak licin pada hari hujan. Perlahankan motosikal dan menunggang dengan berhati-hati. Pastikan motosikal dalam keadaan tegak untuk mengelakkan pelinciran.
- Kekasut brek atau pelapik brek akan menjadi basah ketika motosikal dicuci. Periksanya sebelum penunggang.




- Sentiasa memakai topi keledar, sarung tangan, seluar (yang mempunyai penyikat di lengan dan buku lali supaya tidak berkibar) serta memakai jaket berwarna terang.
- Jangan memuat bebanan yang berat di motosikal. Bebanan yang berlebihan akan menyebabkan motosikal tidak stabil. Gunakan tali pengikat yang ketat untuk mengetatkan bebanan. Tali penyikat yang longgar akan menyebabkan motosikal anda tidak stabil dan mengganggu perhatian anda semasa menunggangnya (lihat muka-surat 2-3).

KETERANGAN

Pandangan kiri

3



1. Ruang penyimpanan depan (m/surat 4-15)

2. Penutup bahan api (m/surat 4-11)

3. Bag alatan pemilik (m/surat 7-1)

4. Ruang penyimpanan belakang (m/surat 4-15)

5. Elemen penapis angin (m/surat 7-15)

6. Penutup minyak transisi terakhir (m/surat 7-12)


7. Bolt pembuangan minyak transisi terakhir (m/surat 7-12)

8. Bolt A buangan minyak enjin (m/surat 7-10)

9. Bolt B buangan minyak enjin (m/surat 7-10)

10. Bekas V-belt elemen penapis angin (m/surat 7-15)


Pandangan kanan



1. Lampu brek belakang (m/surat 7-30)
2. Bateri (m/surat 7-26)
3. Kotak fuis (m/surat 7-28)
4. Lampu depan (m/surat 7-29)
5. Takungan penyejuk (m/surat 7-13)
6. Palam pencucuh (m/surat 7-8)
7. Penutup penapis minyak enjin (m/surat 7-10)

KETERANGAN

Alatan dan kawalan




1. Tuil brek belakang (m/surat 4-10)
2. Suis handlebar kiri (m/surat 4-9)
3. Takungan minyak brek belakang (m/surat 7-21)
4. Unit meter pelbagai fungsi (m/surat 4-4)
5. Tankungan minyak brek depan (m/surat 7-21)
6. Suis penghiup (m/surat 4-9)
7. Tuil brek depan (m/surat 4-10)
8. Pemegang pendikit (m/surat 7-17)

9. Suis utama/kunci stereng (m/surat 4-1)

ALATAN DAN FUNGSI KAWALAN

Suis utama/Kunci stereng



Suis utama/kunci stereng mengawal sistem pencucuhan dan lampu, juga untuk mengunci stereng. Posisinya digambarkan seperti berikut:

TIP

Suis/stereng utama dilengkapi dengan penutup lubang kunci. (lihat m/surat 4-2 untuk pembukaan dan penutupan penutup lubang kunci).

ON

Semua litar elektrik dibekalkan dengan kuasa bateri, lampu pada meter, lampu belakang, lampu papan nombor dan lampu tambahan serta untuk menghidupkan enjin motosikal. Kunci tidak dapat dikeluarkan.

TIP

Lampu hadapan akan terpasang secara automatik apabila enjin motosikal dihidupkan dan lampu tersebut akan kekal menyala sehingga kunci dipusingkan ke posisi "OFF", walau pun enjin telah dimatikan.

OFF

Kesemua litar elektrik akan diputuskan dan kunci boleh dikeluarkan.


AMARAN

Jangan pusingkan kunci ke arah "OFF" atau "LOCK" semasa motosikal sedang bergerak. Jika tidak, semua litar elektrik akan terpadam dan menyebabkan motosikal hilang kawalan dan mungkin berlaku kemalangan.

KUNCI

Apabila stereng dikuncikan, semua litar elektrik akan dipadamkan. Kunci boleh dikeluarkan.

Untuk mengunci stereng



1. Tekan.
2. Pusing.

1. Pusing pemegang handlebar ke arah kiri sepenuhnya.
2. Tekan kunci kedalam dari posisi "OFF" kemudian pusingkan ke posisi "LOCK" sambil menekan kunci tersebut.
3. Keluarkan kunci.


ALATAN DAN FUNGSI KAWALAN

TIP

Jika stereng tidak dapat dikunci, pusingkan handlebar sedikit ke sebelah kanan.

Membuka kunci stereng


4



1. Tekan.
2. Pusing.

1. Masukkan kunci.
2. Dengan kunci pada posisi "LOCK" tekan kunci kedalam dan pusingkan ke arah "OFF"

Penutup lubang kunci



1. Butang "PUSH SHUT"
2. Kepala kunci


Membuka penutup lubang kunci

Masukkan kepala kunci kedalam lubang kunci seperti yang ditunjukkan dan pusing kunci menghala ke kanan untuk membuka penutup kunci.

Menutup penutup lubang kunci

Tekan butang "PUSH SHUT" untuk menutupnya.

Lampu Penunjuk dan lampu amaran



1. Lampu penunjuk isyarat arah kiri "↶"
2. Lampu penunjuk pancaran tinggi "≡" "
3. Lampu penunjuk suhu penyejuk "⊡" "
4. Anti-lock Brake Sistem (ABS) lampu amaran "Ⓢ" " (Modal ABS sahaja)
5. Lampu amaran masalah enjin "⚠" "
6. Lampu penunjuk isyarat arah kanan "↷"

Lampu penunjuk isyarat arah "↶" dan "↷"

Setiap lampu isyarat akan berkelip apabila lampu isyarat dihidupkan.

ALATAN DAN FUNGSI KAWALAN

Lampu penunjuk pancaran tinggi

“”

Lampu penunjuk akan menyala apabila lampu hadapan pemancar tinggi dihidupkan.

Lampu amaran cecair penyejuk

“”

Lampu amaran akan menyala jika enjin menjadi terlalu panas. Jika ini berlaku, matikan enjin segera dan biarkannya sejuk.

Litar elektrik lampu amaran boleh diperiksa dengan memusing kunci ke posisi “ON”. Lampu amaran akan menyala dalam beberapa saat, dan kemudian akan padam.

Jika lampu amaran tidak menyala apabila kunci dipusingkan ke “ON” atau lampu amaran masih berkekalan dapatkan wakil Yamaha untuk memeriksanya.

PERHATIAN

Jangan menghidupkan enjin lagi jika enjin terlalu panas.

TIP

Jika enjin terlalu panas, lihat muka surat 7-37 untuk keterangan lanjut.

Lampu amaran masalah enjin “”

Lampu ini akan menyala atau berkelip jika terdapat masalah dengan litar elektrik yang memantau motosikal enjin. Jika situasi ini berlaku, sila dapatkan wakil Yamaha untuk memeriksa sistem pengesanan masalah. (Sila rujuk muka surat 4-8 untuk penjelasan tentang alat pengesanan masalah).

Litar elektrik lampu amaran dapat diperiksa dengan memusing kunci ke posisi “ON”. Lampu amaran masalah enjin sepatutnya akan menyala untuk beberapa saat sebelum terpadam.

Jika lampu amaran tidak menyala pada awalnya atau terus menyala tanpa terpadam apabila kunci dipusingkan ke posisi “ON”, dapatkan bantuan wakil Yamaha untuk memeriksa litar elektriknya.

Lampu amaran ABS “”

(Modal ABS sahaja)

Pada operasi biasa, lampu amaran ABS akan menyala apabila kunci dipusing ke arah “ON” dan akan dipadam apabila kelajuan mencecah 10km/h (6mi/h) atau lebih.

Jika lampu amaran ABS:

- tidak menyala apabila kunci dipusing ke arah “ON”.
- menyala atau berkelip semasa penunggangan.
- tidak dipadamkan apabila kelajuan mencecah 10km/h (6 mi/h) atau lebih.

Jika sistem ABS tidak berfungsi dengan teliti atau sebarang keadaan diatas berlaku, dapatkan wakil Yamaha memeriksanya secepat mungkin. (lihat m/surat 4-10 untuk keterangan lanjut ABS).

AMARAN

Jika lampu amaran ABS tidak padam walaupun kelajuan mencecah 10km/h (6mi/h) atau lebih, atau lampu sentiasa berkelip semasa menunggang, sistem brek akan bertukar kepada konvensional. Jika mana-mana seperti diatas berlaku atau lampu tidak bernyala sama sekali, haruslah lebih berhati-hati


ALATAN DAN FUNGSI KAWALAN

mengelakkan kemungkinan roda tergelincir semasa mengebrek. Dapatkan bantuan wakil Yamaha memeriksa sistem brek dan litar elektrik secepat mungkin.

TIP

Lampu ABS mungkin menyala semasa menguji kelajuan motosikal dengan posisi motosikal berada di pangsi tengah. Ini tidak bermakna motosikal mengalami kegagalan fungsi (Modal ABS sahaja).

Unit meter pelbagai fungsi



1. Meter bahan api
2. Jam
3. Jangkalaju
4. Paparan automatik kegunaan bahan api
5. Butang "RESET"
6. Paparan pelbagai fungsi
7. Butang "SELECT"

⚠ AMARAN

Pastikan anda memberhentikan motosikal anda sebelum membuat sebarang penyelarasan pada unit meter pelbagai fungsi. Membuat sebarang perubahan pada meter semasa menunggang boleh menyebabkan risiko kemalangan yang tinggi.

Unit meter pelbagai fungsi dilengkapi dengan:

- Jangkalaju
- Jam
- Meter bahan api
- Paparan automatik kegunaan bahan api
- Paparan pelbagai fungsi


TIP

Pastikan anda memusing kunci ke posisi "ON" sebelum menggunakan butang "SELECT" dan "RESET".

Jangkalaju

Jangkalaju menunjukkan kelajuan motosikal anda.

Jam



1. Jam


Jam mengikis kiraan sistem 12 jam.

ALATAN DAN FUNGSI KAWALAN

Untuk menetapkan masa

1. Pusingkan kunci ke posisi "ON"
2. Tekan butang "SELECT" bersama-sama dengan butang "RESET" selama dua saat.
3. Apabila digit jam mula berkelip, tekan butang "RESET" untuk menetapkan masa jam.
4. Tekan butang "SELECT" dan digit minit akan mula berkelip.
5. Tekan butang "RESET" untuk menetapkan masa minit.
6. Tekan butang "SELECT" dan kemudian lepaskannya untuk memulakan jam waktu.

Meter bahan api



1. Meter bahan api
2. Paparan amaran paras bahan api "F"


Meter bahan api menunjukkan kuantiti minyak yang masih didalam tangki minyak.

Bar paparan akan semakin menurun sehingga ke "E" (Empty) dan ini menunjuk bahawa paras minyak semakin menurun. Bila bar paparan terakhir dan lampu amaran paras minyak berkelip "F", pengisian haruslah dilakukan serta merta.

TIP

Penyukat bahan api dilengkapi dengan sistem pengesah masalah sendiri. Jika sebarang kesulitan dikesan pada litar elektrik, langkah berikut akan berlaku sehingga masalah tersebut dibetulkan: bar paras minyak dan amaran bar paras minyak "F" akan berkelip sebanyak lapan kali dan kemudian terpadam selama tiga saat. Jika situasi ini timbul, sila dapatkan bantuan wakil Yamaha untuk memeriksanya.

Paparan automatik kegunaan bahan api



1. Paparan automatik kegunaan bahan api

Meter ini menunjukkan kegunaan bahan api. Paparan meter sukatan kegunaan bahan api adalah tertakluk kepada mod "F/ECO" untuk paparan kenaikan atau penurunan.

- Km/L: Kenaikan bar kecil pada paparan menunjukkan berapa efisiennya motosikal semasa dioperasikan.
- L100 km: Keturunan bar kecil pada paparan menunjukkan berapa efisiennya motosikal semasa dioperasikan.

ALATAN DAN FUNGSI KAWALAN

Paparan pelbagai fungsi



4

1. Paparan pelbagai fungsi

Paparan pelbagai fungsi dilengkapi dengan:

- Jangkalaju jumlah perjalanan
- Dua jangkalaju perjalanan (yang menunjukkan jumlah jarak perjalanan sejak meter disetkan kepada sifar)
- Meter bahan api simpanan jangkalaju perjalanan (yang menunjukkan jumlah jarak yang telah dilalui sejak bar penyukat bahan api mula berkelip)
- Paparan automatik kegunaan bahan api
- Paparan kegunaan kesederhanaan kegunaan bahan api
- Jangkalaju penukaran minyak
- Gantian V-belt jangkalaju
- Paparan penukaran minyak.

- Paparan gantian V-belt
- Paparan kod masalah

Tekan butang "SELECT" untuk menukar mod jangkalaju jumlah perjalanan "ODO" dengan mod jangkalaju perjalanan "TRIP 1" dan "TRIP 2", penukaran minyak mod jangkaligat "OIL TRIP", pengantian mod V-belt "V-BELT TRIP", jangkalaju perjalanan, mod paparan kegunaan bahan api "F/ECO" (km/L or L/100 km) dan kegunaan bahan api kesederhanaan "AVE F/ECO" (km/L or L/100 km) dalam urutan berikut:

ODO → TRIP 1 → TRIP 2 → OIL TRIP
→ V-BELT TRIP → F/ECO → AVE
F/ECO → ODO

Jika amaran paras bahan api "  " dan bar akhir di meter paparan bahan api mulai berkelip, secara automatik paparan bahan api akan bertukar kepada mod jangkalaju perjalanan simpanan "TRIP F" dan pengiraan akan dimulakan. Dengan ini tekan butang "SELECT" kepada paparan antara jangkalaju perjalanan, jangkalaju jumlah perjalanan, penukaran minyak jangkalaju, V-belt jangkalaju perjalanan,

kegunaan bahan api automatik dan kegunaan bahan api secara kesederhanaan seperti berikut:

TRIP F → TRIP 1 → TRIP 2 → OIL
TRIP → V-BELT TRIP → F/ECO →
AVEF/ECO → ODO → TRIP F

Untuk mengesetkan jangkalaju perjalanan, tekan butang "SELECT", dan tekan butang "RESET" selama satu saat.

TIP

- Jika anda tidak mengesetkan butang bahan api simpanan di jangkalaju perjalanan secara manual, ia akan mengeset secara automatik dan paparan akan kembali ke keadaan mod asal setelah bahan api diisi dan telah membuat perjalanan sejauh 5 km (3 mi).
- Jika anda tidak mengesetkan semula jangkaligat perjalanan 1 dan 2, ia akan secara automatik mengeset ke 0 dan mulai mengira walaupun sudah mencecah 9999.9.
- Jangkalaju jumlah perjalanan akan terkunci kepada 999999 dan tidak boleh diresetkan.

ALATAN DAN FUNGSI KAWALAN

Paparan automatik kegunaan bahan api



1. Paparan automatik kegunaan bahan api

Paparan kegunaan bahan api automatik boleh disetkan pada “km/L” atau “L/100 km”.


- “km/L”: Jarak perjalanan yang dibuat dengan 1.0L bahan api ditunjukkan semasa perjalanan.
- “L/100 km”: Kuantiti bahan api yang diperlukan untuk membuat perjalanan sejauh 100km akan ditunjukkan.

Untuk mengaktif paparan bahan api secara automatik, tekan butang “SELECT” selama satu saat.

TIP

Jika kelajuan perjalanan adalah dibawah 10 km/h (6 mi/h), “ _ _ . _ ” ia akan dipaparkan.

Paparan kegunaan bahan api bersedeheanaan



1. Paparan kegunaan bahan api bersedeheanaan

Paparan ini menunjukkan kegunaan bahan api yang disetkan terdahulu. Paparan kegunaan bahan api kesedeheanaan boleh disetkan ke “km/L” atau “L/100 km”

- “km/L” : Jumlah jarak perjalanan bahan api sebanyak 1.0L ditunjukkan.
- “L/100 km” : Jumlah bahan api yang diperlukan dalam membuat perjalanan sejauh 100km akan dipaparkan.

Untuk mengaktifkan antara paparan kegunaan bahan api secara sedehaan, tekan butang “SELECT” selama satu saat. Untuk mengesetkan paparan bahan api secara sedehana, tekan butang “RESET” selama satu saat.

TIP

Setelah mengesetkan paparan kegunaan bahan api sedehana, “ _ _ . _ ” ia akan ditunjukkan sehingga perjalanan 1 km (0.6 mi) dicapai.

Penukaran minyak jangkaligat perjalanan



1. Penunjuk penukaran minyak “OIL”
2. Penukaran minyak jangkalaju perjalanan

Penukaran minyak pada jangkalaju perjalanan akan dipaparkan dari masa ia disetkan. (i.e. penukaran minyak yang terakhir).

ALATAN DAN FUNGSI KAWALAN

Penunjuk penukaran minyak akan berkelip di butang "OIL" pada perjalanan pertama 1000km (600 mi), setiap 4000 km (2500 mi) dan seterusnya setiap 4000 (2500mi) minyak mestilah ditukarkan.

Setelah penukaran minyak enjin dibuat, setkan butang penukaran minyak jangkalaju perjalanan dan penunjuk penukaran minyak. Untuk mengesetkannya tekan butang "RESET" selama satu saat. Semasa butang "OIL" mengelip, tekan butang "RESET" selama tiga saat. Penunjuk penukaran minyak akan disetkan.

Jika minyak enjin ditukarkan sebelum paparan penukaran minyak ditunjukkan (ie. sebelum carta penukaran minyak dijalankan), penukaran minyak pada jangkalaju perjalanan haruslah disetkan untuk penukaran mengikut carta supaya penukaran seterusnya adalah betul.

Pengantian mod jangkalaju V-belt



1. Penunjuk pengantian V-belt
2. Gantian V-belt


Paparan jangkalaju V-belt akan menunjukkan jarak yang telah dilalui sejak ia disetkan (contoh: V-belt yang kali terakhir digantikan)

Paparan V-belt "V-BELT" akan berkelip setiap 25000 km (15500 mi) perjalanan dan menunjukkan yang V-belt haruslah digantikan.

Selepas gantian V-belt, setkan semula pengantian jangkalaju V-belt dan paparan pengantian V-belt. Untuk mengesetkan semula, pilih pengantian jangkalaju V-belt dan tekan butang selama 1 saat. Sementara paparan V-belt & pengantian V-belt berkelip, tekan butang : "RESET" selama tiga saat. Ini akan menunjukkan pengantian V-belt telah disetkan semula.

Jika V-belt digantikan sebelum paparan dinyalakan (sebelum masa pengantian) pengantian jangkalaju V-belt haruslah disetkan untuk mendapat masa yang baru untuk pengantian seterusnya.

Alat pengesan masalah



1. Lampu amaran enjin bermasalah "MIL"
2. Penunjuk kod masalah

Modal motosikal ini dilengkapi dengan alat pengesan masalah pelbagai litar elektrik.

ALATAN DAN FUNGSI KAWALAN


Jika terdapat masalah yang telah dikenal pasti dalam mana-mana litar, lampu amaran masalah enjin akan menyala dan paparan di handlebar akan menunjukkan satu kod masalah. Jika terdapat apa-apa kod masalah yang dikenal pasti, maka anda haruslah mencatatkan kod tersebut dan dapatkan bantuan wakil Yamaha.

PERHATIAN

Jika terdapat sebarang kod masalah yang ditunjukkan, motosikal anda seharusnya diperiksa dengan secepat mungkin untuk mengelakkan kerosakkan enjin


Suis handlebar

Kiri



1. Suis lampu pemalap “ ”
3. Suis isyarat arah “ ”
4. Suis hon “ ”

Kanan



1. Suis penghidup enjin “ ”

Suis lampu pemalap “ ”

Setkan suis pada posisi “ ” untuk lampu tinggi dan “ ” untuk lampu rendah.

Suis isyarat arah “ ”

Untuk melakukan pusingan kanan, tekankan suis kepada “ ”. Manakala untuk melakukan pusingan kiri, tekan suis kepada “ ”. Apabila dilepaskan, suis akan kembali ke posisi tengah. Untuk menutup isyarat membelok, tolakkan suis ke dalam selepas suis tersebut telah kembali ke posisi tengah.

Suis hon “ ”


Tekan suis hon untuk membunyikan hon.

Suis penghidup enjin “ ”

Dengan pangsi sisi diturunkan, tekan butang suis sementara menekan brek depan dan belakang untuk menghidupkan enjin. Lihat m/surat 6-1 untuk mendapat langkah penting menghidupkan enjin)

ALATAN DAN FUNGSI KAWALAN


Tuil brek depan



1. Tuil brek depan

Tuil brek depan terletak di pegangan handlebar kanan. Untuk melaksanakan brek hadapan, tarik tuil ke arah pemegang pendikit.

Tuil brek belakang



1. Tuil brek belakang

Tuil brek belakang terletak di pegangan handlebar kiri. Untuk melaksanakan brek belakang, tarik tuil ke arah pemegang pendikit.

ABS (modal ABS sahaja)

Yamaha ABS (Anti-lock Brake System) mempunyai sistem dual control elektronik, yang bertindak brek di depan dan di belakang secara bebas.

Untuk mengendalikan sistem brek ABS secara konvensional. Jika sistem ABS diaktifkan, perasaan tekanan akan dirasakan pada pedal brek. Dalam keadaan begini, terus menekan brek untuk mengaktifkan sistem ABS mulai berfungsi. Jangan sekali mengepam brek kerana ini akan menyebabkan sistem brek kurang berfungsi.

AMARAN

Sentiasa menjaga jarak yang cukup dengan kenderaan depan untuk menyesuaikan kelajuan motosikal anda walaupun sistem ABS dihidupkan.

- **ABS melakukan yang terbaik pada jarak pembrekan jauh.**
- **Pada paras tertentu (kasar atau kerikil) jalan, jarak pembrekan biasa lebih panjang berbanding tanpa ABS)**

Sistem ABS sentiasa diperantaukan oleh ECU, yang akan menukarkan sistemnya ke sistem konvensional jika berlaku kegagalan sistem berlaku.


ALATAN DAN FUNGSI KAWALAN

TIP


- ABS melakukan ujian diagnosis diri selama beberapa saat setiap kali enjin motosikal dihidupkan setelah kunci itu berubah ke "ON" dan semasa motosikal anda dalam kelajuan 10 km/h (6 mi/h) atau lebih. Semasa ujian ini, suara klik dapat didengar dari bawah kerusi, dan jika tuil brek atau pedal brek ditekan, bahkan sedikit diterapkan, getaran dapat dirasai di tuil dan pedal, tetapi ini tidak menunjukkan kerosakkan.
- Sistem ABS memiliki mod ujian yang membolehkan pemiliknya untuk merasakan denyut di tuil brek atau pedal brek pada saat ABS beroperasi. Namun, alat-alat yang khusus diperlukan untuk mengendalikannya. Sila hubungi wakil Yamaha apabila melakukan ujian ini.

PERHATIAN

Berhati-hati jangan sesekali merosakkan pengesan roda atau rotor pengesan yang mungkin akan menyebabkan ketidak stabilnya penggunaan sistem ABS (modal ABS sahaja).




1. Pengesan roda depan
2. Pengesan rotor roda depan



1. Pengesan roda belakang
2. Pengesan rotor roda belakang

Penutup tangki bahan api



1. Penutup pengunci tangki bahan api
2. Mengunci
3. Membuka penutup.

Untuk membuka tangki bahan api


Buka penutup tangki bahan api, masukkan kunci ke dalam, kemudian putar 1/4 ke arah jam. Kunci akan dilepaskan dan penutup tangki bahan api boleh dibuka.

Untuk menutup penutup tangki bahan api

1. Masukkan penutup bahan api kedalam pembuka tangkinya sementara kuncinya di dalam pengunci dengan tanda "△" menghalau ke depan.

ALATAN DAN FUNGSI KAWALAN

4



1. "△" mark

2. Putar kunci berlawanan jam ke posisi semula, keluarkan kunci, dan kemudian tutup penutupnya.

TIP

Penutup tangki bahan api tidak boleh dipasang kecuali kuncinya berada di lubangnya. Selain itu, kunci tidak dapat dikeluarkan jika penutup tidak dipasang dengan rapi pada tangkinya.

⚠ AMARAN

Pastikan penutup bahan api benar-benar ditutup selepas mengisi. Kebocoran bahan api boleh menjadi punca kebakaran.


Bahan Api

Pastikan bahawa terdapat bahan api yang mencukupi dalam tangki.

⚠ AMARAN

Petrol dan wap petrol sangat mudah terbakar. Untuk mengelakkan risiko kebakaran dan letupan serta untuk mengurangkan risiko kecederaan semasa mengisi bahan api, ikutilah panduan ini semasa mengisi.

1. Sebelum mengisi bahan api, matikan enjin dan pastikan bahawa tiada orang yang duduk di atas motosikal. Jangan mengisi bahan api sambil merokok atau di sekitar percikan api, api terbuka atau sumber penyalan lain seperti lampu pilot pemanas air dan pengering pakaian.
2. Semasa mengisi jangan sampai melimpahi tangki bahan api. Berhenti mengisi bila bahan api mencapai bahagian bawah tiub suapan. Kerana bahan api boleh mengembang bila panas, haba dari enjin atau matahari boleh menyebabkan bahan api untuk tumpah keluar dari tangki bahan api.



1. Tiub suapan tangki bahan api
2. Paras maksimum bahan api

3. Lap apa sahaja bahan api yang tertumpah dengan segera. **PERHATIAN:** Segera bersihkan tumpahan bahan api dengan kain yang bersih, kering dan lembut, kerana bahan api boleh merosakkan permukaan cat atau bahagian plastik.
4. Pastikan anda menutup penutup tangki bahan api dengan elok.

⚠ AMARAN

Petrol adalah beracun dan boleh menyebabkan kecederaan atau kematian. Berhati-hati bila menggunakan petrol. Jangan menyedut petrol melalui mulut. Jika anda tertelan petrol dengan banyak atau banyak menghidu wap petrol, atau terkena petrol pada mata anda,

ALATAN DAN FUNGSI KAWALAN

silalah jumpa doktor dengan segera. Jika petrol tertumpah pada kulit anda, cuci dengan sabun dan air. Jika petrol tertumpah pada pakaian anda, ganti baju anda.

Bahan api yang disyorkan:

Bahan api tanpa plumbum (Gasohol) [E10] boleh diterima)

Kapasiti tangki bahan api:

6.6 L (1.7 US gal, 1.5 Imp.gal)

Jumlah bahan api simpanan:

1.4 L (0.37 US gal, 0.31 Imp.gal)

PERHATIAN


Hanya gunakan petrol tanpa plumbum. Petrol bertimbal lead akan menyebabkan kerosakan teruk pada bahagian-bahagian enjin dalaman, seperti injap dan ring piston, serta sistem pembuangan.

Gasohol

Terdapat dua jenis gasohol: iaitu gasohol yang mengandungi etanol dan gasohol yang mengandungi metanol. Gasohol yang mengandungi etanol boleh digunakan jika kandungan etanol tidak melebihi 10% (E10).

Gasohol yang mengandungi metanol tidaklah disyorkan oleh Yamaha kerana ia boleh merosakkan sistem bahan api atau kecenderungan motosikal.

Hose melimpah bahan api



1. Hose melimpah bahan api

Sebelum mengoperasi motosikal:

- Periksa hose melimpah bahan api untuk sambungan dan kedudukannya.
- Periksa hose melimpah bahan api untuk retak atau rosak dan gantikannya jika perlu.
- Pastikan bahawa penghujung hos tidak tersekat dan bersihkannya jika perlu.

ALATAN DAN FUNGSI KAWALAN

Penukaran catalytic

Model ini dilengkapi dengan penukaran catalytic dalam sistem pembuangan.

AMARAN

Sistem pembuangan akan menjadi panas selepas operasi. Untuk mengelakkan dari kebakaran atau luka terbakar:

- Jangan meletak motosikal anda berhampiran tempat yang mudah terbakar seperti rumput kering atau bahan lain yang mudah terbakar.
- Letak motosikal anda di tempat di mana pejalan kaki atau kanak-kanak tidak akan menyentuh sistem pembuangan panas.
- Pastikan bahawa sistem pembuangan sudah sejuk sebelum melakukan kerja penyelenggaraan.
- Jangan biarkan enjin dihidupkan tanpa gerak lebih daripada beberapa minit. Pemalasan panjang boleh menyebabkan penumpukan kepanasan.


PERHATIAN

Hanya gunakan petrol tanpa plumbum. Petrol bertimbal lead akan menyebabkan kerosakan yang tidak dapat dipulihkan kepada catalytic converter.

Tempat duduk

Untuk membuka tempat duduk

1. Letakan motosikal di pangsi sisinya.
2. Masukkan kunci ke dalam suis utama, kemudian putar ke arah jam ke "SEAT OPEN".



1. Buka

TIP

Jangan menolak ke arah dalam semasa memutar kunci.

3. Naikkan tempat duduk,

Untuk memasang tempat duduk

1. Turunkan tempat duduk dan tekan ke bawah untuk menguncinya.

ALATAN DAN FUNGSI KAWALAN

2. Keluarkan kunci


TIP

Pastikan tempat duduk adalah dalam keadaan baik sebelum menunggangnya.

Ruang penyimpanan

Ruang penyimpanan depan

Ruang penyimpanan depan terletak di depan motosikal. Ia hanyalah digunakan untuk menyimpan barangan kecil.




1. Ruang penyimpan depan

AMARAN

- Jangan melebihi had beban 1.5 kg (3.3lb) untuk ruang simpanan depan.
- Jangan meletakkan sebarang barangan di depan yang akan menghalang kelancaran perjalanan.

Ruang penyimpanan belakang

Ruang penyimpanan belakang terletak di bawah tempat duduk. Gunakan tempat ini untuk barangan besar. (lihat m/s 4-14)



1. Ruang penyimpan belakang

AMARAN

- Jangan melebihi had beban 5 kg (11lb) untuk ruang simpanan belakang.
- Jangan melebihi 168 kg (370 lbs) untuk keseluruhan beban motosikal.

PERHATIAN

Sentiasa mengingati perkara-perkara seterusnya apabila menggunakan ruang penyimpanan.

ALATAN DAN FUNGSI KAWALAN

4

- Memandangkan yang ruang penyimpanan mudah menjadi panas dibawah terikan matahari atau semasa enjin panas, adalah dinasihati jangan menyimpan makanan atau barangan yang mudah terbakar.
- Untuk mengelakkan kerosakkan barangan, sentiasa membungkusnya dengan tuala basah sebelum menyimpannya.
- Memandangkan air mudah masuk ke dalam ruang penyimpanan semasa dicuci, sentiasa membungkuskan barangan dengan beg plastik.
- Jangan menyimpan barangan berharga atau mudah pecah di dalam ruang penyimpanan.

TIP

Jangan meninggalkan motosikal anda dengan tempat duduk terbuka.

Pangsi sisi

Pangsi sisi ini terletak di sisi kiri motosikal. Naikkan pangsi sisi atau turunkan dengan kaki anda apabila memegang tegak motosikal.

TIP

Pangsi sisi suis adalah sebahagian daripada sistem litar injak, yang melarang motosikal dari dihidupkan dalam situasi tertentu. (lihat peregam yang seterusnya untuk penjelasan sistem litar injak).

AMARAN

Motosikal ini tidak boleh ditunggang apabila pangsi sisi nya diturunkan atau jika pangsa sisi tidak boleh dinaikkan dengan sempurna (tidak dapat berkekal diatas) Jika ia boleh menyentuh tanah dan mengganggu pengguna dan mengakibatkan kemungkinan kehilangan kawalan. Sistem injak Yamaha telah direka untuk membantu penunggang akan bertanggung jawab untuk memastikan pangsi sisi dinaikkan sebelum anda menunggang motosikal anda


Oleh kerana itu, periksa sistem ini selalu dan jumpa wakil Yamaha untuk memperbaikinya jika ia tidak berfungsi dengan sempurna.

Sistem memberhentikan injap

Periksa operasi suis pangsai sisi mengikut langkah yang berikut.

ALATAN DAN FUNGSI KAWALAN

4



AMARAN

- Motosikal haruslah berada di pangsi tengah semasa membuat pemeriksaan.
- Jika terdapat sebarang kesulitan, dapatkan wakil Yamaha untuk memeriksanya.

UNTUK KESELAMATAN ANDA - PERMERIKSAAN SEBELUM KENDALIAN

Memeriksa motosikal anda setiap kali menggunakannya untuk memastikan ia dalam keadaan operasi yang selamat. Selalu mengikut prosedur pemeriksaan dan penyelenggaraan mengikut jadual seperti didalam buku pengguna.

AMARAN

Kegagalan untuk menyemak atau menjaga motosikal anda dengan betul meningkatkan kemungkinan kemalangan atau kerosakan peralatan. Jangan gunakan motosikal anda jika terdapat masalah. Jika masalah tidak boleh diperbaiki dengan prosedur yang ditentukan dalam buku pengguna ini, dapatkan motosikal anda diperiksa oleh wakil Yamaha.

Sebelum menggunakan motosikal ini, periksa perkara berikut:

PERKARA	PEMERIKSAAN	MUKASURAT
Bahan api	• Periksa paras bahan api di dalam tangki. • Mengisi bahan api jika perlu. • Periksa saluran bahan api untuk kebocoran. • Periksa tangki hos melimpah untuk penghalang, retak atau rosak, dan periksa sambungan hos.	4-12, 4-13
Minyak enjin	• Periksa paras minyak enjin. • Jika perlu, tambah minyak yang disyorkan hingga ke paras yang ditetapkan. • Periksa motosikal untuk kebocoran minyak.	7-10
Minyak transisi terakhir	• Periksa motosikal untuk kebocoran.	7-12
Penyejuk	• Periksa paras penyejuk dalam takungan. • Jika perlu, tambah penyejuk yang disyorkan hingga ke paras yang ditetapkan. • Periksa sistem penyejuk untuk kebocoran.	7-13
Brek depan	• Periksa operasi. • Jika lembut atau kenyal, dapatkan wakil Yamaha melepaskan angin dalam sistem hidraulik. • Periksa kehausan pada pad brek. • Gantikan jika perlu. • Periksa paras cecair brek dalam takungan. • Jika perlu, tambah cecair brek yang disyorkan hingga ke paras yang ditetapkan. • Periksa sistem hidraulik untuk kebocoran.	7-20, 7-20 - 7-21

UNTUK KESELAMATAN ANDA - PERMERIKSAAN SEBELUM KENDALIAN

PERKARA	PERMERIKSAAN	MUKASURAT
Brek belakang	• Periksa operasi. • Jika lembut atau kenyal, dapatkan wakil Yamaha melepaskan angin sistem hidraulik. • Periksa kehausan pada pad brek. • Gantikan jika perlu. • Periksa paras cecair brek dalam takungan. • Jika perlu, tambah cecair brek yang disyorkan hingga ke paras yang ditetapkan. • Periksa sistem hidraulik untuk kebocoran.	7-20, 7-21
Pemegang pendikit	• Pastikan bahawa operasi berjalan lancar. • Periksa gerak bebas pemegang pendikit. • Jika perlu, dapatkan wakil Yamaha untuk laraskan gerak bebas, lincirkan kabel dan pemegang pendikit	7-17, 7-23
Kabel kawalan	• Pastikan bahawa operasi berjalan lancar. • Lincirkan jika perlu.	7-23
Roda dan tayar	• Periksa untuk kerosakkan. • Periksa keadaan dan kehausan bunga tayar. • Periksa tekanan angin. • Baik jika perlu.	7-18, 7-19
Tuil brek	• Pastikan bahawa operasi berjalan lancar. • Lincirkan pangsi jika perlu.	7-24
Pangsi sisi, pangsi tengah	• Pastikan bahawa operasi berjalan lancar. • Lincirkan pangsi jika perlu.	7-24
Pengetat rangka	• Pastikan semua nat, bolt dan skru diketatkan dengan kemas. • Ketatkannya jika perlu.	-
Alatan, lampu, lampu isyarat dan suis	• Periksa operasinya. • Baik jika perlu.	-
Suis pangsi sisi	• Periksa sistem memperhentikan injap. • Jika sistem tidak berfungsi dengan sempurna, dapatkan bantuan wakil Yamaha memeriksanya.	4-16

UNTUK KESELAMATAN ANDA - PERMERIKSAAN SEBELUM KENDALIAN

Baca Buku Panduan Pengguna untuk menjadi akrab dengan semua kawalan. Jika terdapat kawalan atau fungsi yang anda tidak mengerti, mintalah bantuan wakil Yamaha.

AMARAN

Kegagalan untuk membiasakan diri dengan kawalan boleh menyebabkan kehilangan kawalan motosikal dan mungkin akan menyebabkan kecederaan atau kemalangan.

PERHATIAN

Jangan menunggang didalam air yang dalam, ini mungkin akan merosakkan enjin. Jauhi dari melalui tangkungan air sebab kedalamanya tidak diketahui.

Menghidupkan enjin

PERHATIAN

Lihat m/surat 6-3 untuk lebih mengenali operasi motosikal sebelum mengendalinya pada kali pertama.

Untuk membolehkan sistem litar injap menghidupkan enjin, pangsang mestilah diturunkan.

Lihat m/surat 4-1 untuk keterangan lanjut.

1. Putarkan kunci ke posisi "ON"
Lampu amaran yang berikut akan menyala seketika dan kemudian dipadam.
 - Lampu amaran masalah enjin
 - Lampu amaran cecair penyejut.

PERHATIAN

Jika lampu amaran tidak bernyala apabila kunci diputar ke "ON" atau lampu berkekal, lihat m/s 4-2 untuk litar lampu amaran.

OPERASI DAN PANDUAN PENTING PENUNGGANGAN

Lampu amaran ABS akan menyala jika suis utama diputar ke posisi "ON" dan akan dipadamkan apabila kelajuan mececah ke 10 km/h (6 mi/h) atau lebih. (modal ABS sahaja).

PERHATIAN

Jika lampu amaran tidak bernyala apabila seperti yang dijelaskan diatas, lihat m/s 4-2 untuk litar lampu amaran.


2. Tutup pendikit dengan rapi.
3. Hidupkan enjin dengan menekan suis penghidup sementara menekan brek depan dan belakang, Jika enjin tidak dapat dihidupkan, tunggu beberapa saat dan kemudian mencuba sekali lagi. Mejalankan penghidup adalah secepat mungkin untuk mengelakan kehilangan kuasa batteri. Jangan cuba menghidupkan enjin lebih dari 10 saat pada setiap kali.

PERHATIAN

Untuk memelihara hayat enjin, jangan memandu dengan laju ketika enjin berkeadaan sejuk.

Pemulaan Penunggang


1. Sementara menarik tuil brek belakang dengan tangan kiri anda dan memegang pemegang bar dengan tangan kanan, tolak motosikal dari pangsang tengahnya.



1. Bar memegang

2. Melangkah sebelah kaki dan duduk di atas motosikal, kemudian melaraskan cermin tepi.
3. Pasangkan lampu isyarat.
4. Periksa keadaan trafik dan dengan perlahan memulas pemegang pendikit (ke arah kanan) untuk memulakan penunggang.
5. Padamkan lampu isyarat.

Penunggang laju dan perlahan



Kelajuan boleh dilaraskan dengan pembukaan dan penutupan pendikit. Untuk mendapatkan kelajuan, pusingkan pendikit ke arah (a). Untuk memperlakan kelajuan, pusingkan pendikit ke arah (b).

OPERASI DAN PANDUAN PENTING PENUNGGANGAN

Menekan brek

AMARAN

- Dilarang menekan brek secara tiba-tiba (semasa menoleh ke sebelah) kerana ini akan menyebabkan motosikal anda tergelincir atau terbalik.
- Lintasan keretapi, lintasan kereta, serpihan pembinaan, penutup lubang binaan akan menjadi agak licin pada hari hujan. Perlahankan motosikal dan menunggang dengan berhati-hati. Pastikan motosikal dalam keadaan tegak untuk mengelakkan pelinciran. Dengan itu haruslah berhati-hati apabila melalui tempat seperti ini.
- Haruslah diingati yang megebrek pada keadaan basah adalah lebih menyukarkan.
- Menunggang dengan perlahan apabila menurun bukit sebab menekan brek pada masa ini adalah sangat menyukarkan.

1. Tutup pendikit dengan rapi.
2. Menekan brek depan dan belakang secara sekata untuk menaikkan tekanannya.

Tips untuk mengurangkan penggunaan bahan api

Penggunaan bahan api dengan banyak bergantung pada cara anda menunggang. Pertimbangkan tip-tip berikut untuk mengurangkan penggunaan bahan api:

- Mengelakkan kelajuan enjin tinggi semasa memcut.
- Mengelakkan kelajuan enjin tinggi tanpa beban pada enjin.
- Matikan enjin dan jangan membiarkannya gerak bebas untuk jangka masa yang lama (contohnya, dalam kesesakan lalu lintas, di lampu lalu lintas atau di perlintasan kereta api).

Permulaan pengoperasian enjin

Tidak yang lebih penting untuk jangka hayat enjin dalam masa tempoh antara 0 dan 1600 km (1000 mi). Untuk alasan ini, anda harus membaca bahagian berikut dengan teliti.

Memandangkan enjin masih baru, jangan meletakkan beban yang berlebihan pada masa km1600 pertama (1000 batu). Bahagian-bahagian di dalam enjin belum dapat memberi keserasian untuk pengoperasian yang cekap. Dalam jangkamasa ini elakkan penggunaan pendikit secara maksimum ataupun perkara-perkara yang boleh menyebabkan enjin menjadi terlampau panas.

0–1000 km (0–600 mi)

Elakkan beroperasi lama ke atas 1/3 pendikit. **PERHATIAN: Setelah 1000 km (600mi) beroperasi, minyak enjin dan minyak transisi terakhir harus diganti.**

1000–1600 km (600–1000 mi)

Elakkan beroperasi lama ke atas 1/2 pendikit.

OPERASI DAN PANDUAN PENTING PENUNGGANGAN

Melebihi 1600 km (1000 mi)

Masa kini motosikal boleh dikendalikan seperti biasa.

PERHATIAN

Jika terdapat masalah enjin dalam jangka masa permulaan pengoperasian enjin, dapatkan wakil Yamaha untuk periksanya.

Meletakkan motosikal

Semasa meletakkan motosikal, matikan enjin dan keluarkan kunci dari suis utama.



AMARAN


- Kerana enjin dan ekzos akan menjadi panas, motosikal hendaklah diletakkan di tempat yang tidak mudah terkenal pejalan kaki atau kanak-kanak .
- Jangan letak motosikal di lereng bukit atau tanah yang lembut, motosikal mungkin tertumbang, meningkatkan risiko kebocoran bahan api dan kebakaran.
- Jangan meletak dekat rumput kering atau bahan yang mudah terbakar.

OPERASI DAN PANDUAN PENTING PENUNGGANGAN


Catatan Am

Banyak kebaikan yang dapat diperolehi dari penggunaan dan penyelenggaraan sesebuah motosikal dengan cara yang betul.

1. PELANGGAN BOLEH MENGGUNAKAN KEUPAYAAN MOTOSIKAL YAMAHA DENGAN SEPENUHNYA.




2. SETIAP MOTOSIKAL BOLEH DIPANJANGKAN KEUPAYAANNYA KEPADA TEMPOH YANG LEBIH LAMA.




OPERASI DAN PANDUAN PENTING PENUNGGANGAN

3. KOS MINYAK DAN PEMBAIKAN BOLEH DIKURANGKAN KE TAHAP YANG MINIMA.



**Perbelanjaan pelanggan
(harga minyak dengan penyenggaraan dan perbaikan)**



4. SESEBUAH MOTOSIKAL BOLEH MENDAPAT TAWARAN HARGA TINGGI APABILA DIGANTIKAN SEBAGAI BARANG YANG TERPAKAI.



PENYELENGGARAAN BERKALA DAN PENYELARASAN

Pemeriksaan berkala, penyelarasan dan pelinciran dapat menjadikan motosikal anda dalam keadaan yang selamat dan berkecekapan baik. Keselamatan adalah kepentingan bagi semua pemilik. Perkara yang paling penting semasa pemeriksaan, penyelarasan dan pelinciran adalah diterangkan pada mukasurat berikut.

Jarak antara yang diberikan didalam jadual pemeriksaan berkala dan pelinciran adalah panduan am penunggang motosikal secara kebiasaan. Walaubagaimanapun, bergantung kepada keadaan cuaca, permukaan tanah, lokasi geografi dan kegunaan individu, jarak antara penyelenggaraan perlu dipendekkan.

AMARAN

Gagal untuk menjaga keadaan motosikal anda dengan baik atau penyelenggaraan yang tidak betul akan membahayakan anda semasa penggunaan motosikal. Jika tidak biasa dengan kerja-kerja penyelenggaraan, dapatkan wakil Yamaha untuk bantuan penyelenggaraan.

AMARAN


Matikan enjin semasa kerja penyelenggaraan kecuali ditetapkan.

- Enjin yang dihidupkan ada bahagian yang bergerak dan boleh mengheret pada bahagian anggota badan kita. Bahagian elektrik pula dapat buat kejutan dan mungkin terjadi api.
- Enjin yang dihidupkan semasa kerja penyelenggaraan boleh menyebabkan kecederaan kepada mata, terbakar, api atau keracunan karbon monoxide dan mungkin menyebabkan kematian. Lihat muka-surat 2-3 untuk penjelasan keracunan karbon monoxide.

AMARAN

Cekara brek, kalipers, drums dan bahagian kekasut brek akan menjadi panas semasa kegunaan. Untuk mengelakkan dari terbakar, sejukkan bahagian brek sebelum menyentuh.

Beg alatan pemilik



1. Beg alatan pemilik

Beg alatan pemilik terletak di bawah tempat duduk pembonceng (lihat m/s 4-14).

Panduan servis didalam buku panduan ini dan alatan yang disediakan di dalam beg alatan pemilik adalah bertujuan untuk anda membuat kerja penyelenggaraan atau kebaikan kerosakkan kecil sahaja. Walaubagaimana pun alatan tambahan perlu juga digunakan untuk kerja-kerja penyelenggaraan lain dengan betul.

TIP

Jika tidak mempunyai alatan atau pengalaman mengenai kerja-kerja khusus, dapatkan wakil Yamaha untuk bantuan.

PENYELENGGARAAN BERKALA DAN PENYELARASAAN

TIP

- Pemeriksaan tahunan perlu dilakukan setiap tahun, kecuali jika penyelenggaraan berpandukan jarak kilometer akan dilakukan.
- Dari 20000 km (12000 mi) penyelenggaraan bergilir haruslah bermula dari 4000 km (2400 mi).
- Tanda * perlu dilakukan oleh wakil Yamaha kerana penggunaan alatan khas, data dan kemahiran teknikal.

Carta penyelenggaraan berkala untuk sistem kawalan perlepasan gas.

NO.	PERKARA	KERJA PEMERIKSAAN ATAU PENYELENGGARAAN	BACAAN JANGKALIGAT					Pemeriksaan Tahunan
			1000 km atau 1 bulan	5000 km atau 5 bulan	10000 km atau 10 bulan	15000 km atau 15 bulan	20000 km atau 20 bulan	
1	* Saluran bahan api	• Periksa hos bahan api untuk kerosakan atau retak.		√	√	√	√	√
2	* Penapis bahan api	• Periksa keadaan. • Gantikan jika perlu.			√		√	
3	* Palam pencucuh	• Periksa keadaan. • Bersih dan laras kedudukan jarak		√	√	√	√	
		• Gantikan.			√		√	
4	* Injap	• Periksa gerak bebas injap. • Laraskan jika perlu.			√		√	
5	* Sistem injap	• Penyelarasan kelajuan gerak bebas injap.		√	√	√	√	√
6	* Sistem ekzos	• Periksa untuk kebocoran. • Ketatkan jika perlu. • Gantikan gasket jika perlu.		√	√	√	√	√

PENYELENGGARAAN BERKALA DAN PENYELARASAAN

Carta penyelenggaraan berkala dan pelinciran

NO.	PERKARA	KERJA PEMERIKSAAN ATAU PENYELENGGARAAN	BACAAN JANGKALIGAT					Pemeriksaan Tahunan
			1000 km (600 mi)	4000 km (2400 mi)	8000 km (4800 mi)	12000 km (7200 mi)	16000 km (9600 mi)	
1	Elemen penapis udara	• Gantikan	Setiap 15000 km (9320 mi)					
2	Hos penapis udara	• Bersihkan.	√	√	√	√	√	
3 *	Bekas V-belt elemen penapis udara	• Bersihkan. • Gantikan jika perlu.		√	√	√	√	
4	Batteri	• Periksa voltan. • Cas jika perlu.	√	√	√	√	√	√
5 *	Brek depan	• Periksa operasi, paras cecair dan kebocoran cecair brek. • Gantikan pad brek	√	√	√	√	√	√
6 *	Brek belakang	• Periksa operasi, paras cecair dan kebocoran cecair brek. • Gantikan pad brek	√	√	√	√	√	√
7 *	Hos brek	• Periksa kebocoran atau kerosakan. • Periksa ketepatan tempat dan pengetatannya. • Gantikan		√	√	√	√	√
8 *	Cecair brek	• Tukarkan	Setiap 4 tahun					
9 *	Roda	• Periksa kehausan dan kerosakan.		√	√	√	√	
10 *	Tayar	• Periksa kedalaman bunga tayar dan kerosakan. • Gantikan jika perlu. • Periksa tekanan angin. • Laraskan jika perlu.		√	√	√	√	√

PENYELENGGARAAN BERKALA DAN PENYELARASAAN

NO.	PERKARA	KERJA PEMERIKSAAN ATAU PENYELENGGARAAN	BACAAN JANGKALIGAT					Pemeriksaan Tahunan
			1000 km (600 mi)	4000 km (2400 mi)	8000 km (4800 mi)	12000 km (7200 mi)	16000 km (9600 mi)	
11	* Galas roda	• Periksa kelonggaran atau kerosakan pada galas.		√	√	√	√	
12	* Galas stereng	• Periksa kelancaran, pengerakkan galas dan stereng.		√	√	√	√	
		• Lincirkan dengan gris yang berasaskan lithium-soap.	Setiap 24000 km (14000 mi)					
13	* Pengetat rangka	• Pastikan kesemua nat, bolt dan skru diikat kemas.		√	√	√	√	√
14	Tuil brek paksi depan	• Lincirkan dengan gris silikon.		√	√	√	√	√
15	Tuil brek paksi belakang	• Lincirkan dengan gris silikon.		√	√	√	√	√
16	Pangsi sisi, Pangsi tengah	• Periksa operasi. • Lincirkan dengan gris silikon.		√	√	√	√	√
17	Suis pangsi sisi	• Periksa operasi.	√	√	√	√	√	√
18	Cabang depan	• Periksa operasi dan kebocoran minyak.		√	√	√	√	
19	Penyerap hentak	• Periksa operasi dan kebocoran minyak.		√	√	√	√	
20	Minyak enjin	• Tukar.	√	Semasa lampu penunjuk penukaran minyak berkelip				
		• Periksa paras minyak dan kebocoran.		Setiap 4000 km (2500 mi)				√
21	Penapis minyak enjin	• Bersihkan	√					√

PENYELENGGARAAN BERKALA DAN PENYELARASAAN

NO.	PERKARA	KERJA PEMERIKSAAN ATAU PENYELENGGARAAN	BACAAN JANGKALIGAT					Pemeriksaan Tahunan
			1000 km (600 mi)	4000 km (2400 mi)	8000 km (4800 mi)	12000 km (7200 mi)	16000 km (9600 mi)	
22	* Sistem penyejuk	• Periksa paras penyejuk dan kebocoran		√	√	√	√	√
		• Tukar cecair penyejuk.	Setiap 12000 km (7500 mi)					
23	Minyak transisi terakhir	• Periksa untuk kebocoran.	√	√	√	√	√	
		• Tukar.	√	Setiap 12000 km (7500 mi)				
24	* V-belt	• Periksa untuk kerosakkan.			√	√	√	
		• Gantikan.	Apabila lampu penunjuk penukaran V-belt berkelip [setiap 25000 km (15500 mi)]					
25	* V-belt takal kedua	• Lincirkan.	Setiap 12000 km (7500 mi)					
26	* Suis brek depan dan belakang	• Periksa operasi.	√	√	√	√	√	√
27	Bahagian bergerak dan kabel	• Lincirkan.		√	√	√	√	√
28	* Pemegang pendikit	• Periksa opsai. • Periksa pendikit gerak bebas dan laraskan jika perlu. • Lincirkan kabel dan pendikit.		√	√	√	√	√
29	* Lampu isyarat dan suis	• Periksa operasi. • Laraskan pancaran lampu depan.	√	√	√	√	√	√

TIP

- Penapis udara
- Motosikal ini dilengkapi dengan kertas elemen berminyak pakai buang dan tidak harus dibersihkan dengan udara tekanan tinggi untuk mengelakkan kerosakkan.


PENYELENGGARAAN BERKALA DAN PENYELARASAAN

- Elemen penapis udara haruslah digantikan setiap masa apabila menunggang di kawasan berdebu atau berair.
- Penutup penapis udara V-belt.
 - Penapis udara memerlukan penyelenggaraan yang kerap jikalau menunggangnya di kawasan berdebu atau berair.
- V-belt
 - V-belt haruslah diperiksa pada 8000km (5000 mi) dan setiap 4000 km (2500 mi) seterusnya. Gantikan V-belt jika terdapat kerosakkan atau kehausan. V-belt mesti digantikan dalam setiap 25000 km (15500 mi) walaupun tiada kerosakkan.
- Penyelenggaraan brek hidrolik
 - Selalu periksa paras cecair brek dan jika perlu tambahkannya.
 - Setiap 2 tahun gantikan komponen-komponen dalaman brek silinder utama dan tukarkan cecair brek.
 - Gantikan hos brek setiap 4 tahun, jika terdapat kerosakkan atau rekahan.
- Servis sistem bahan api
 - Hanya gunakan bahan api tanpa plumbum. Bahan api plumbum akan menyebabkan kerosakkan teruk pada bahagian enjin dalaman seperti injap dan piston ring serta sistem pembuangan eksos.
 - Gantikan penutup penapis bahan api setiap 2 tahun atau jika terdapat kerosakkan atau retakan.
 - Periksa penapis bahan api untuk kesekatan atau kerosakkan pada setiap 12000 km (7500 mi)
- Servis batteri
 - Periksa dan servis batteri setiap 3 bulan.
 - Cais semula batteri jika voltannya jatuh kurang dari 12.4V
 - Jika batteri tidak dapat dicalis, gantikannya.

PENYELENGGARAAN BERKALA DAN PENYELARASAN

Menanggalkan dan memasang panel.

Panel perlu ditanggalkan untuk melakukan kerja-kerja penyelenggaraan yang akan dibincangkan dalam bahagian ini. Rujuk pada bahagian ini setiap kali panel perlu ditanggalkan dan dipasang.




1. Panel A
2. Panel B

Panel A

Untuk menanggalkan panel

1. Keluarkan bolt




1. Panel A
2. Bolt

2. Keluarkan peletak kaki kiri pembonceng dan tarik keluar panel menghala luar.

Untuk memasang panel

1. Letakkan panel pada kedudukan asal dan pasang bolt.




2. Letakkan peletak kaki pada kedudukan asal.

Panel B


Untuk menanggalkan panel

1. Keluarkan panel A.
2. Keluarkan penanggal cepat dan bolt.




1. Panel B
2. Penanggal cepat

PENYELENGGARAAN BERKALA DAN PENYELARASAN




1. Bolt
2. Penanggal cepat

3. Tanggalkan alas kaki dengan menarik ia keluar.



1. Alas kaki

4. Keluarkan bolt, dan menarik keluar panel dengan menghala luar.



Untuk memasang panel


1. Letakan penutup pada kedudukan asal, kemudian pasang bolt.
2. Letakkan alas kaki kiri pada kedudukan asalnya dan menekan kebawah untuk mengetatkannya.
3. Pasangkan bolt dan penanggal cepat.
4. Pasang panel A.

Pemeriksaan palam pencucuh

Palam pencucuh adalah bagian mesin yang penting, dimana ia mudah diperiksa. Memandangkan haba dan kotoran akan menyebabkan palam pencucuh perlahan-lahan terhakis, ia harus diperiksa dan diganti dengan merujuk kepada rajah penyenenggaraan dan pelinciran berkala. Selain itu, keadaan palam pencucuh mempengaruhi keadaan mesin.

Untuk mengeluarkan palam pencucuh

1. Letakkan motosikal pada pangsi tengahnya.
2. Keluarkan panel A dan B (Lihat m/s 7-7)
3. Keluarkan penutup palam pencucuh.



1. Penutup palam pencucuh

PENYELENGGARAAN BERKALA DAN PENYELARASAN

4. Tanggalkan palam pencucuh seperti yang ditunjukkan dalam rajah dengan menggunakan spana pencucuh palam yang disediakan dalam beg alatan.



1. Spana pencucuh palam

Memeriksa palam pencucuh

1. Periksa dikeliling penebat porselin dan di tengah elektrod palam pencucuh, ia patut berwarna kelabu cerah (Warna ini biasanya untuk motosikal yang ditunggang dengan keadaan biasa).


TIP

Jika palam pencucuh menunjukkan warna yang berlainan setelah digunakan, enjin mungkin beroperasi secara bermasalah. Jangan membaikinya sendiri. Sebaliknya dapatkan wakil Yamaha untuk memeriksanya.

2. Periksa hakisan elektrod pada palam pencucuh dan karbon yang berlebihan atau kotoran lain, dan gantikannya jika perlu.

Palam pencucuh yang disyorkan:
NGK/CPR8EA-9

3. Ukur jarak palam pencucuh dengan alat pengukur ketebalan dan jika perlu, selaraskan jarak mengikut spesifikasi.



1. Sela palam pencucuh

Sela palam pencucuh:
0.8-0.9 mm (0.031-0.035 in)

Memasang palam pencucuh

2. Bersihkan permukaan gasket palam pencucuh dan permukaan yang kotor, dan bersihkan sebarang kekotoran pada ulir palam pencucuh.
3. Pasangkan palam pencucuh dengan spana palam pencucuh, dan kemudian ketatkannya kepada spesifikasi tork yang ditentukan.

Tork pengetatan palam pencucuh:
13 Nm (1.3 m-kgf, 9.4 ft-lbf)

TIP

Jika tiada spana pengukur tork ketika memasang palam pencucuh, anggaran yang terbaik adalah dengan memulas 1/4-1/2 pusingan selepas diketatkan dengan tangan. Walau bagaimanapun, palam pencucuh haruslah diketatkan mengikut spesifikasi yang ditetapkan secepat yang mungkin.

4. Pasangkan penutup palam pencucuh.

TIP

Pasangkan pencucuh palam seperti yang ditunjukkan didalam gambar. Kepala palam pencucuh haruslah dijauhi dari sebarang alatan.

PENYELENGGARAAN BERKALA DAN PENYELARASAN



1. Penutup palam pencucuh
2. Palam pencucuh plumbum

4. Pasang penutup.

Minyak enjin dan penapis minyak

Paras minyak enjin harus diperiksa sebelum menaiki motosikal. Selain itu, minyak enjin harus ditukar dan elemen penapis minyak diganti mengikut masa yang ditentukan didalam carta penyelenggaraan berkala dan pelinciran.


Periksa paras minyak enjin

1. Letakkan motosikal pada pangsi tengah di lantai yang rata. Jika condong sedikit ke tepi boleh menyebabkan bacaan yang salah.
2. Hidupkan enjin, panaskan enjin untuk beberapa minit dan kemudian matikannya.
3. Tunggu beberapa minit sehingga minyak mengendap, keluarkan ukurcelup dan lap sampai bersih, masukkan kembali ke dalam lubang (tanpa mengikatnya) dan kemudian keluarkannya semula untuk memeriksa paras minyak enjin.

AMARAN! Pelindung palam pencucuh akan menjadi panas jika digunakan. Untuk mengelakkan kebakaran, biarkan pelindung palam pencucuh dingin dulu sebelum mengeluarkan penutup penapis minyak.

TIP

Paras minyak harus berada di antara penghujung kayu ukur celup dan garis maksima.



1. Penutup minyak enjin
2. Ukur celup minyak
3. Paras maksima
4. Penghujung kayu ukur celup


4. Jika paras minyak enjin tidak berada di antara penghujung ukur celup dan maksima, tambahkan secukupnya dengan menggunakan minyak enjin yang disyorkan.
5. Masukkan ukur celup kedalam lubang panapis minyak dan ketatkannya.

PENYELENGGARAAN BERKALA DAN PENYELARASAN

Menukar minyak enjin dan membersihkan penapis minyak

1. Hidup dan panaskan enjin untuk beberapa minit, kemudian matikannya.
2. Letakkan bekas minyak yang kosong dibawah enjin untuk menadah minyak yang akan dibuang.
3. Buka penutup minyak enjin dan bolt A buangan minyak enjin untuk membuang minyak enjin.

PERHATIAN: Apabila mengeluarkan bolt B, penutup minyak enjin, O-ring, spring pemampatan dan penapis minyak akan terkeluar. Berhati-hati jangan menghilangkan alatan tersebut.



1. Bolt A pengeluaran minyak enjin
2. Gasket
3. Penapis minyak
4. Spring pemampatan
5. O-ring
6. Bolt B pengeluaran minyak enjin

4. Bersihkan penapis minyak dengan solven dan periksa untuk kerosakan. Gantikan jika perlu.
5. Pasangkan penapis minyak, spring pemampatan, O-ring baru dan bolt B pembuangan minyak.

TIP

Pastikan O-ring sudah diketatkan.

6. Pasangkan bolt A pembuangan minyak enjin dan casket baru dan kemudian ketatkannya dengan tork yang betul.

Tork pengetatan:

Bolt A pembuangan minyak enjin
20 Nm (2.0 m-kgf, 14 ft-lbf)

Bolt B pembuangan minyak enjin
32 Nm (3.2 m-kgf, 23 ft-lbf)

7. Isi dengan minyak enjin yang disyorkan dan jumlah yang ditentukan, kemudian pasang balik dan ketatkan penutup minyak enjin.

Minyak enjin yang disyorkan:

Lihat m/surat 9-1

Jumlah minyak:

0.90 L (0.95 US qt, 0.79 Imp.qt)

TIP

Pastikan anda membersihkan tumpahan minyak yang ada apabila enjin dan sistem pembuangan menjadi sejuk.

PERHATIAN

- Untuk mengelakkan pencengkam tercicil (minyak enjin juga menlincirkan pencengkam), jangan

PENYELENGGARAAN BERKALA DAN PENYELARASAN

mencampur kimia tambahan. Jangan menggunakan minyak dengan spesifikasi diesel daripada "CD" atau minyak yang berkualiti lebih tinggi dari yang ditetapkan. Selain itu, jangan menggunakan minyak yang dilabel "KONSERVASI ENERGI II" atau lebih tinggi.


- Pastikan tidak ada bahan asing memasuki kotak penghidup.

8. Hidupkan enjin dan biarkan ia beroperasi tanpa gerak untuk beberapa minit sementara periksa untuk kebocoran minyak. Jika terdapat kebocoran, matikan enjin dan periksa akibatnya.
9. Matikan enjin, kemudian periksa paras minyak dan memperbaikinya jika perlu.
10. Setkan semula jangkajau penukaran minyak dan peringatan penukaran minyak "OIL".

Minyak transisi terakhir


Bekas minyak transisi terakhir diperiksa untuk kebocoran sebelum setiap penunggangan. Jika terdapat kebocoran, dapatkan bantuan wakil Yamaha untuk memeriksa dan membaikinya. Selain itu, minyak transisi terakhir mesti ditukar mengikut jadual penyelenggaraan berkala dan carta pelinciran yang diterangkan.

1. Hidupkan enjin, panaskan minyak transisi dengan menunggang motosikal selama beberapa minit dan kemudian matikan enjin.
2. Letakkan motosikal di pangsi tengahnya.
3. Letakan bekas minyak dibawah bekas minyak transisi untuk mengumpul minyak yang sudah dipakai.
4. Keluarkan penutup minyak transisi terakhir dan O-ring dari bekas minyak transisi terakhir.



1. Penutup minyak transisi terakhir
2. O-Ring

5. Keluarkan bolt pembuangan minyak transisi terakhir dan gasket untuk mengeluarkan minyak dari bekas minyak transisi terakhir.



1. Bolt pembuangan minyak transisi terakhir
2. Gasket

PENYELENGGARAAN BERKALA DAN PENYELARASAN

6. Pasang semula bolt pembuangan minyak transisi terakhir dan gasket baru dan ketatkannya dengan tork yang disyorkan.

Tork pengetat:

Bolt buangan minyak transisi terakhir:
20 Nm (2.0 m·kgf, 14 ft·lbf)

7. Isi semula kuantiti minyak enjin transisi yang disyorkan. **AMARAN! Pastikan tiada bahan lain termasuk ke dalam bekas transisi minyak terakhir. Pastikan juga minyak tidak terkena tayar atau roda motosikal.**

Minyak enjin transisi terakhir yang disyorkan:

Lihat m/Surat 9-1.

Jumlah minyak:

0.15 L (0.16 US qt, 0.13 Imp.qt)

8. Pasang semula penutup minyak transisi terakhir, O-Ring baru dan ketatkan penutup minyak.
9. Periksa bekas transisi terakhir untuk kebocoran minyak. Jika terdapat kebocoran, kenal pastinya.

Penyejuk

Paras penyejuk harus diperiksa sebelum menaiki motosikal. Selain itu, penyejuk harus ditukar mengikut jadual penyelenggaraan berkala and pelinciran.

Untuk periksa tahap penyejuk

1. Letakkan motosikal anda pada pangsang tengahnya.


TIP

- Paras penyejuk harus diperiksa semasa enjin sejuk kerana suhu enjin berbeza-beza.
- Pastikan bahawa motosikal diposisikan tegak ke atas ketika periksa paras penyejuk. Jika condong sedikit ke tepi akan menghasilkan pembacaan yang salah.

2. Periksa paras penyejuk melalui tingkap tangki penyejuk.


TIP

Paras penyejuk patut berada diantara tahap maksima dan minima.



1. Tingkap penyejuk
2. Tanda paras maksima
3. Tanda paras minima


3. Jika paras penyejuk berada di bawah tahap minima, keluarkan alas kaki kiri dengan menariknya keluar.



1. Alas kaki

PENYELENGGARAAN BERKALA DAN PENYELARASAN


4. Keluarkan penutup tangki penyejuk.



1. Penutup tangki penyejuk

5. Keluarkan penutup tangki penyejuk. Tambah penyejuk ke tanda paras maksimum dan kemudian tutupkan penutupnya. **AMARAN!** Hanya keluarkan penutup penyejuk saja dan bukan penutup radiator apabila enjin masih panas. **PERHATIAN:** Jika penyejuk tidak tersedia, gunakan air suling atau air paip yang lembut sebagai gantinya. Jangan gunakan air keras atau air masin kerana ia boleh merosakkan enjin. Jika air telah digunakan sebagai gantikan penyejuk, tukar dengan penyejuk secepat mungkin jika tidak sistem penyejuk tidak akan dilindungi terhadap embun beku dan korosi.

Jika air telah ditambah ke penyejuk, dapatkan wakil Yamaha untuk periksa isi antibeku dari penyejuk secepat mungkin, jika tidak keberkesanan penyejuk akan berkurangan.



1. Penutup tangki penyejuk

Penyejuk yang disyorkan:

YAMAHA GENUINE COOLANT
Kapasiti tangki penyejuk(sampai tahap maksima:
0.25 L (0.26 US qt, 0.22 Imp.qt)

6. Pasangkan penutup tangki penyejuk.
7. Letakkan alas kaki pada posisi asalnya dengan menekan kebawah untuk mengetatkannya.

Menukar penyejuk

Penukaran penyejuk mestilah dibuat mengikut carta penyelenggaraan dan pelinciran. Dapatkan wakil Yamaha untuk membuat pertukaran penyejuk.

AMARAN! Jangan cuba mengeluarkan penutup tangki radiator ketika enjin masih panas.


PENYELENGGARAAN BERKALA DAN PENYELARASAN

Penapis udara dan bekas penapis udara V-belt

Elemen penapis udara haruslah diganti dan bekas penapis udara V-belt harus dibersihkan mengikut jadual yang ditetapkan didalam carta penyeleenggaraan dan perlintiran. Penapis udara haruslah di servis lebih kerap terutamanya jika menunggang motosikal di kawasan berdebu dan berair. Hos penapis udara serta hose V-belt sentiasa diperiksa dan dibersihkan jika perlu.


Menganti elemen penapis udara

1. Letakkan motosikal pada pangsi tengahnya.
2. Keluarkan bekas penapis udara dengan mengeluarkan skrunya.



1. Penutup bekas penapis udara
2. Skru

3. Tarik keluar elemen penapis udara




1. Elemen penapis udara
4. Masukkan elemen penapis udara baru ke dalam kotak penapis udara.

PERHATIAN: Pastikan bahawa

elemen penapis udara duduk dengan elok di dalam kotak penapis udara. Enjin tidak boleh dikendalikan tanpa elemen penapis udara dipasang, jika tidak piston(s) dan/atau silinder(s) boleh menjadi haus dengan cepat.

5. Pasang penutup bekas penapis udara dengan memasang skrunya.

Membersih hos penapis udara




1. Hos penapis udara

1. Periksa hos didepan bekas penapis udara untuk air dan kekotoran.
2. Jika kekotoran atau air kelihatan, keluarkan hos, bersihkannya dan pasang balik semula.

PENYELENGGARAAN BERKALA DAN PENYELARASAN

Membersih elemen bekas penapis udara V-belt


1. Letakkan motosikal pada pangsi tengahnya.
2. Keluarkan skru dan menarik menghala ke luar elemen bekas penapis udara dan dijauhi dari bekas V-belt.




1. Bekas elemen penapis udara
2. Skru

3. Tarik keluar elemen bekas penapis udara V-belt, dan bersihkan dengan solven. Selepas pembersihan, memicit keluar solven yang berlebihan. **AMARAN! Guna solven cucian yang bersesuaian alatan sahaja. Untuk mengelakkan kebakaran dan letupan, jangan menggunakan bahan api atau solven yang mudah terbakar.**

PERHATIAN: Untuk mengelakkan kerosakan pada elemen penapis udara, berhati-hati apabila mengendalinya dan jangan memulasnya.



1. Elemen bekas penapis udara V-belt



4. Sapukan minyak yang disyorkan ke seluruh kawasan alatan spon dan memicit keluar minyak yang berlebihan.


TIP

Elemen penapis udara seharusnya basah tapi tidak menitis.

Minyak yang disyorkan:

Minyak penapis udara bersabun atau lain minyak penapis udara bersabun yang berkualiti

5. Masukkan elemen kedalam bekas V-belt.
6. Pasangkan penutup penapis udara dengan memasang skrunya.




1. Hos pemeriksaan penapis udara V-belt

1. Periksa hos dibelakang bekas V-belt untuk air dan kekotoran.

PENYELENGGARAAN BERKALA DAN PENYELARASAN

2. Jika kekotoran atau air kelihatan, keluarkan hos, bersihkan dan pasang balik semula.

Penyelarasan pemegang pendikit gerak bebas



1. Pemegang pendikit gerak bebas

Pemegang pendikit gerak bebas harus berukuran 3.0-5.0 mm (0.12-0.20 in) di tepi dari cengkaman pendikit. Sentiasa periksa pemegang pendikit gerak bebas dan jika perlu dapatkan wakil Yamaha untuk laraskannya.

Jarak bebas injap

Jarak bebas injap akan berubah dengan penggunaan, menghasilkan campuran udara-bahan api yang tidak tepat dan/atau enjin yang bising. Untuk mengelakkan perkara ini berlaku, jarak bebas injap harus dilaraskan oleh wakil Yamaha mengikut carta penyelenggaraan berkala dan pelinciran.

PENYELENGGARAAN BERKALA DAN PENYELARASAN

Tayar

Tayar merupakan elemen penting didalam sesebuah motosikal. Keselamatan pemandu adalah terletak pada keadaan tayar. Disebabkan ini tayar haruslah sentiasa berada didalam keadaan baik dan menukarnya jika perlu dengan mengikut masa dan spesifikasi tayar.

Tekanan angin tayar

Tekanan angin tayar harus diperiksa jika perlu, dilaraskan sebelum menunggang motosikal.

AMARAN

Mengendalikan motosikal dengan tekanan angin tayar yang tidak betul akan menyebabkan cedera parah atau kematian dari kehilangan kawalan.

- Tekanan angin tayar harus diperiksa dan dilaraskan bila tayar sejuk (iaitu, ketika suhu tayar sama dengan suhu persekitaran).
- Tekanan angin tayar harus dilaraskan mengikut kelajuan dan berat penunggang, pembonceng, kargo dan aksesori yang diluluskan untuk model ini.

Tekanan angin tayar (diukur bila sejuk):

1 orang:

Depan

150 kPa (1.50 kgf/cm², 22 psi)

Belakang

250 kPa (2.50 kgf/cm², 36 psi)

2 orang:

Depan

150 kPa (1.50 kgf/cm², 22 psi)

Belakang

250 kPa (2.50 kgf/cm², 36 psi)

Muatan maksima*:


168 kg (370 lb)

* Jumlah muatan berat penunggang pembonceng, kargo dan aksesori

AMARAN

Jangan melebihi beban muatan untuk motosikal anda. Operasi sebuah motosikal melebihi beban muatan boleh menyebabkan kemalangan.

Pemeriksaan Tayar



1. Dinding tepi tayar
2. Penunjuk penggunaan tayar
3. Kedalaman bunga tayar

Tayar perlu diperiksa sebelum menunggang motosikal. Jika bunga tayar menunjuk garis bersimpangan (kedalaman bunga tayar minima), terdapat paku atau serpihan kaca, dapatkan wakil Yamaha dengan segera untuk membaikinya.

Kedalaman minima bunga tayar (depan dan belakang):
1.0 mm (0.04 in)

PENYELENGGARAAN BERKALA DAN PENYELARASAN

AMARAN

- Adalah berbahaya menunggang motosikal dengan tayar yang tidak berbunga. Jika bunga tayar menunjuk garis bersimpangan, dapatkan khidmat wakil Yamaha untuk mengantikannya segera.
- Penggantian semua roda dan bahagian brek berkaitan, termasuk tayar, harus diserahkan kepada wakil Yamaha, yang mempunyai pengetahuan kedadaman dan pengalaman yang diperlukan untuk melakukannya.
- Menunggang motosikal pada kelajuan sederhana selepas gantian tayar. Ini kerana permukaan tayar harus dibiasakan dahulu supaya tayar boleh mengembangkan ciri-ciri optimumnya.

Informasi tayar

Motorsikal ini dilengkapi dengan tayar tanpa tuib, injap angin dan roda cast. Usia tayar walaupun tidak berguna atau hanya menggunakannya seketika. Pecahan pada bunga tayar serta keadaan tayar yang tidak sempurna menunjukkan yang tayar sudah berusia.

Tayar yang sudah berusia haruslah diperiksa oleh pakar tayar untuk menilaikan kestabilannya untuk kegunaan seterusnya.

AMARAN

Tayar depan dan belakang harus jenis yang sama buatan, jika tidak ciri-ciri penggunaan mungkin berbeza dan mungkin akan menyebabkan kemalangan.

Setelah ujian menyeluruh, hanya tayar yang disenaraikan di bawah ini telah diluluskan untuk model ini dari Yamaha Motor Co, Ltd

Tayar depan:

Sais:
110/70-13M/C 48P
Buatan/modal:
IRC/SS-570F

Tayar belakang:

Sais:
130/70-13M/C 63P
Buatan/modal:
IRC/SS-560R

Roda cast


Untuk prestasi maksimum, daya tahan dan operasi yang selamat dari motosikal anda, perhatikan perkara berikut mengenai roda yang ditentukan.

- Rim roda harus diperiksa untuk retak, lengkungan, melenting atau kerosakan lain sebelum menunggang motosikal. Jika terdapat kerosakkan, dapatkan wakil Yamaha untuk menukar roda. Jangan cuba memperbaikinya sendiri walaupun kerosakkan kecil. Roda kecacatan atau retak perlu diganti.
- Roda harus ditimbang setiap kali tayar atau roda telah diubah atau diganti. Roda yang tidak seimbang boleh menyebabkan prestasi dan ciri-ciri pengendalian yang kurang memuaskan dan hayat tayar juga akan dipendekkan.

PENYELENGGARAAN BERKALA DAN PENYELARASAN

Periksa gerak bebas tuil brek depan dan belakang


Depan



1. Tiada gerak bebas tuil brek

7

Belakang



1. Tiada gerak bebas tuil brek

Seharusnya tiada gerak bebas pada tuil brek penhujung. Jika ada gerak bebas, dapatkan wakil Yamaha untuk periksa sistem brek.


AMARAN

Rasaan lembut atau span di tuil brek menunjukkan adanya angin dalam sistem hidrolik. Jika ada angin dalam sistem hidrolik, dapatkan wakil Yamaha untuk lepaskan angin dari sistem hidrolik sebelum menunggang motosikal. Angin dalam sistem hidrolik akan mengurangkan pretasinya dan ia boleh menyebabkan kehilangan kawalan dan kemalangan.

Periksa pad brek depan dan belakang

Pad brek depan dan belakang harus diperiksa untuk kehausan mengikut jadual di dalam penyelenggaraan berkala dan pelinciran.

Pad brek depan




1. Alur penunjuk kehausan pad brek

Setiap pad brek depan dilengkapi dengan alur penunjuk kehausan, yang membolehkan anda untuk memeriksa kehausan tanpa menanggalkannya. Untuk memeriksa pad brek kehausan, lihat pada alur pad brek. Jika kehausan pad brek telah sampai pada hadnya, lurah pada pad brek akan hampir tidak

PENYELENGGARAAN BERKALA DAN PENYELARASAN

kelihatan. Dapatkan wakil Yamaha untuk mengantikan sepasang pad brek.

Pad brek belakang




1. Alur penunjuk kehausan pad brek

Setiap pad brek belakang dilengkapi dengan penunjuk kehausan tanpa menanggalkan keseluruhan sistem brek. Untuk memeriksa pad brek sila periksa penunjuk kehausan. Jika didapati penunjuk kehausan hampir habis sila dapatkan wakil Yamaha untuk menukar sepasang pad brek baru.

Memeriksa cecair tuil brek


Sebelum menunggang motosikal anda, pastikan cecair tuil brek adalah diatas paras minimum. Periksa cecair tuil brek diatas tangki simpanan cecair tuil brek. Tambahkannya jika perlu.

Brek depan



1. Tahap paras minima

Brek belakang



1. Tahap paras minima

Spesifikasi cecair brek:

MINYAK BREK TULIN YAHAMA
(DOT 4)

⚠ AMARAN

Penyelenggaraan yang tidak sempurna akan menyebabkan ketidakstabilan sistem brek. Perhatikan amaran berikut:-

- Tidak mencukupi cecair brek didalam boleh menyebabkan udara memasuki sistem brek dan akan menyebabkan brek tidak berkesan.
- Bersihkan penutup penapis sebelum membukannya. Gunakan DOT 4 cecair brek dari bekas yang masih tertutup.

PENYELENGGARAAN BERKALA DAN PENYELARASAN

- Gunakan cecair brek yang disyorkan bagi mengelakkan penebak getah dari rosak dan ini mungkin akan menyebabkan kebocoran.
- Menambah cecair brek dengan menggunakan cecair yang disyorkan kerana cecair selain dari DOT 4 akan menyebabkan reaksi kimia berlaku.
- Berhati-hati supaya air tidak memasuki kedalam cecair brek di dalam takungan simpanan semasa kerja mengisi dijalankan. Air secara langsung akan menurunkan suhu mendidih cecair dan boleh menyebabkan wap terkunci.

Jikalau terdapat cecair brek menurun dengan mendadak dapatkan wakil Yamaha untuk memeriksanya.

Menukar cecair brek

Dapatkan wakil Yamaha untuk menukar cecair brek mengikut jadual di dalam penyelenggaraan berkala dan pelinciran. Selain itu, gantikan seal minyak dari silinder utama dan kaliper serta hos brek mengikut jadual yang disenaraikan di bawah atau apabila ia rosak atau bocor.

- Seal minyak: Tukar setiap dua tahun.
- Hos brek: Tukar setiap empat tahun.

PERHATIAN

Cecair brek mungkin menjejaskan permukaan cat atau bahagian plastik. Selalu bresihkan cecair tertumpah serta-merta.

Apabila pad brek kehausan, paras cecair brek akan secara langsung menurun. Kekurangan cecair brek menunjukkan kehausan pad brek atau kebocoran pada sistem brek.

PENYELENGGARAAN BERKALA DAN PENYELARASAN

Memeriksa V-belt

V-belt mesti diperiksa dan digantikan oleh wakil Yamaha seperti yang tertara dalam carta penyelenggaraan berkala.

Pemeriksaan dan pelinciran kabel

Operasi dari semua kabel kawalan dan keadaan kabel harus diperiksa sebelum menunggang. Kabel dan penghujung kabel harus digris jika perlu. Jika kabel rosak atau tidak bergerak dengan lancar, dapatkan wakil Yamaha untuk menggantikannya.

PERINGATAN!

Kerosakan pada permukaan luar kabel boleh menyebabkan ia berkarat didalam dan juga gangguan gerakan kabel. Gantikan kabel yang rosok dengan secepat mungkin untuk mengelakkan dari keadaan yang tidak selamat.

Pemeriksaan dan pelinciran pemegang pendikit dan kabel

Operasi pemegang pendikit harus diperiksa sebelum menunggang. Selain itu, kabel harus digris oleh wakil Yamaha mengikut jadual yang di tetapkan seperti di dalam carta penyelenggaraan berkala.


Pelincir yang disyorkan:

Pelincir kabel Yamaha atau yang bersesuaian


PENYELENGGARAAN BERKALA DAN PENYELARASAN

Pelinciran tuil brek depan dan belakang

Tuil brek depan




Tuil brek belakang



Posisi paksi di depan dan di belakang tuil brek mestilah dilincirkan mengikut carta penyelenggaraan berkala.

Pelinciran yang disyorkan:
Gris silikon

Memeriksa dan pelinciran pangsi sisi dan pengsi tengah



Operasi dan pangsi sisi dan pengsi tengah harus diperiksa sebelum menunggang. Paksi dan permukaan logam-ke-logam harus digris jika perlu.

AMARAN

Jika pangsi sisi dan pangsi tengah tidak boleh naik dan turun dengan sempurna, dapatkan wakil Yamaha untuk memperbaikinya. Jika tidak, pangsi sisi boleh tersentuh rantai dan mengganggu penunggalan dan juga kemungkinan mengakibatkan kehilangan kawalan.

PENYELENGGARAAN BERKALA DAN PENYELARASAN

Pelincir yang disyorkan:

Gris berasaskan lithium-soap

Memeriksa cabang depan


Kedadaan dan operasi cabang hadapan harus diperiksa seperti berikut dan mengikut jadual yang ditentukan di dalam penyelenggaraan berkala dan pelinciran.

Memeriksa keadaan

Periksa tiub di dalam untuk tanda kelar, kerosakkan atau kebocoran minyak yang berlebihan.

Memeriksa operasinya

1. Letak motosikal di atas permukaan yang rata dan tegakannya. **AMARAN! Untuk mengelakkan dari kecederaan, pastikan motosikal diletak dengan elok supaya ia tidak mudah terjatuh.**
2. Apabila sedang menekan brek hadapan, tekan handlebar dengan kuat kebawah untuk beberapa kali, ini untuk memeriksa sama ada cabang hadapan boleh menyerap dan melambung dengan lancar.



PERHATIAN


Jika terdapat kerosakan atau cabang hadapan tidak beroperasi dengan lancar, dapatkan wakil Yamaha untuk memperbaikinya.

PENYELENGGARAAN BERKALA DAN PENYELARASAN

Memeriksa stereng

Stereng yang sudah haus atau gelas stereng yang sudah longgar adalah berbahaya. Oleh kerana itu, operasi stereng harus diperiksa mengikut jadual di dalam penyelenggaraan berkala dan pelinciran.

1. Letakkan motosikal pada pangsi tengahnya. **AMARAN!** Untuk mengelakkan daripada kecederaan, pastikan yang motosikal diletakkan pada kedudukan elok supaya tidak terjatuh.
2. Pegang dibawah cabang depan dan cuba menolaknya ke depan dan belakang. Jika terasa kelonggaran, dapatkan bantuan wakil Yamaha untuk memeriksanya atau membaikinya.




Memeriksa gelas roda



Gelas roda depan dan belakang harus diperiksa mengikut jadual yang ditentukan di dalam penyelenggaraan berkala dan pelinciran. Jika ada kelonggaran di hub roda atau jika roda tidak dapat pusing dengan lancar, dapatkan wakil Yamaha untuk periksa gelas roda.

Bateri



1. Bateri
2. Lead positif bateri (merah)
3. Lead negatif bateri (hitam)

Bateri terletak di bawah tempat duduk penunggang (Lihat m/s 4-14). Model ini dilengkapi dengan bateri VRLA (Valve Regulated Lead Acid). Tidak perlu untuk menyamak elektrolit atau untuk menambah air suling. Bagaimanapun, sambungan lead bateri harus diperiksa dan jika perlu, diperketatkan.

AMARAN

- Elektrolit beracun dan berbahaya kerana ia mengandungi asid sulfat yang boleh menyebabkan

PENYELENGGARAAN BERKALA DAN PENYELARASAN

anggota badan terbakar. Elakkan dari tersentuh dengan kulit, mata atau pakaian dan selalu melindungi mata anda ketika bekerja perdekatan dengan bateri. Jika terkena anggota badan, PERTOLONGAN CEMAS seperti berikut harus di perlakukan.

- **DILUAR:** Siram dengan air yang banyak.
- **DIDALAM:** Minum sejumlah besar air atau susu dan jumpa doktor.
- **MATA:** Siram dengan air selama 15 minit dan mendapat perubatan dengan segera.
- Bateri boleh menghasilkan gas hidrogen yang mudah meletup. Oleh itu, jauhilah bateri dari api, bunga api, puntung rokok, dll. Beri ruang udara yang mencukupi semasa mengecas bateri di ruangan tertutup.
- **JAUHILAH KESEMUA BATERI DARIPADA KANAK-KANAK.**

Mengecas bateri

Dapatkan wakil Yamaha untuk mencas bateri dengan secepat mungkin bila kuasa bateri menjadi lemah.

Perlu diingati bahawa bateri akan mudah jadi lemah bila motosikal dilengkapi dengan tambahan aksesori elektrik.

PERHATIAN

Untuk mengecas bateri VRLA (Valve Regulated Lead Acid), pengecas bateri khas (constant-voltage) di perlukan. Menggunakan pengecas bateri konvensional akan merosakkan bateri.

Menyimpan bateri

1. Jika motosikal tidak akan digunakan untuk lebih dari satu bulan, keluarkan bateri, cas bateri penuh, dan kemudian simpan di tempat yang sejuk dan kering. **PERHATIAN:** Ketika mengeluarkan bateri, pastikan kunci berada di posisi "OFF", baru cabut lead negatif dahulu sebelum mencabut lead positif.
2. Jika bateri disimpan lebih dari dua bulan, periksanya sekurang-kurangnya sekali dan mengecasnya jika perlu.
3. Mengecas bateri penuh sebelum memasang.

PERHATIAN: Bila memasang bateri, pastikan kunci dalam keadaan "OFF", kemudian sambung lead positif dahulu baru penyambungan lead negatif.

4. Selepas pemasangan bateri pada kedudukan asal, pastikan sambungan terminal bateri disambung dengan baik.


PERHATIAN

Pastikan bateri dicas sepenuhnya sebelum disimpan. Kerosakan mungkin terjadi sekiranya bateri disimpan tanpa dicas.


PENYELENGGARAAN BERKALA DAN PENYELARASAN

Pengantian fuis

Fuis utama dan kotak fuis yang mengandung fuis untuk setiap litar terletak di bawah tempat duduk. (Lihat m/surat 4-14)




1. Kotak fuis



1. Fuis utama
2. * Fuis solenoid ABS
3. Fuis utama 2
4. Fuis lampu belakang
5. Sistem Fuis isyarat
6. * Fuis kawalan ABS
7. * Fuis motor ABS
8. Fuis simpanan

Jika fuis terbakar, gantikannya seperti berikut..

1. Pastikan kunci berada pada kedudukan " OFF" dan matikan litar elektrik berkenaan.
2. Buka tempat duduk (lihat m/s 4-14)
3. Keluarkan batteri dengan mengeluarkan skrunya.



1. Penutup batteri
2. Skru

4. Keluarkan fuis yang terbakar, dan gantikan dengan fuis baru yang bersesuaian ampere. **AMARAN!** Jangan menggunakan fuis yang mempunyai ampere yang tinggi dari yang disyorkan untuk mengelakkan berlakunya kerosakan pada sistem elektrik dan kemungkinan kebakaran.

PERHATIAN

* Untuk modal ABS sahaja.

PENYELENGGARAAN BERKALA DAN PENYELARASAN

Spesifikasi fuis:

- Fius utama:
15.0 A
- Fius utama 2:
7.5 A
- Fius lampu belakang:
7.5 A
- Fius sistem pemberi isyarat:
7.5 A
- * Fius motor ABS:
30.0 A
- * Fuis solenoid ABD:
15.0 A
- * Fuis kawalan ABS:
7.5 A

5. Pusingkan kunci pada kedudukan 'ON' dan hidupkan litar elektrik berkenaan untuk memastikan ia berfungsi dengan baik.
6. Jika fuis masih lagi terbakar, dapatkan wakil Yamaha untuk memeriksanya.
7. Pasangkan semula batteri dengan memasang skrunya.
8. Tutup tempat duduk.

Lampu depan

Modal ini dilengkapi dengan lampu depan berjenis LED. Jika lampu depan tidak menyala, dapatkan bantuan wakil Yamaha untuk memeliksanya.


PERHATIAN

Jangan melekat sebarang film atau pelekat pada kanta lampu depan. (* Model ABS sahaja).

Menukar mentol lampu bantuan

Modal ini dilengkapi dengan dua lampu bantuan. Jika mentol lampu bantuan terbakar, gantikannya seperti berikut:


1. Keluarkan skrin penghalang angin dengan mengeluarkan skrunya.



1. Skrin penghalang angin.
2. Skru


2. Keluarkan penutup lampu depan dengan mengeluarkan boltnya.

PENYELENGGARAAN BERKALA DAN PENYELARASAN




1. Penutup lampu depan
2. Bolt

3. Keluarkan soket mentol lampu bantuan (sekali dengan mentolnya) dengan memusing soket mengikut arah lawan jam.




1. Soket mentol lampu bantuan.

4. Keluarkan mentol yang telah terbakar dengan menarik ia keluar.



1. Mentol lampu bantuan.

5. Masukkan mentol baru pada soketnya.
6. Pasang soket (bersama dengan mentol) dengan memusingnya ikut arah jam.
7. Pasangkan penutup lampu depan dengan memasang boltnya.



8. Pasang penghalang angin dengan memasang skrunya.

Lampu brek


Modal ini dilengkapi dengan brek berjenis LED.

Jika Lampu tidak menyala, dapatkan bantuan wakil Yamaha untuk memeriksanya.

PENYELENGGARAAN BERKALA DAN PENYELARASAN


Mengganti mentol lampu belakang

1. Buka tempat duduk (lihat m/s 4-14).
2. Keluarkan bar pemegang dengan mengeluarkan boltnya.




1. Bar pemegang
2. Bolt

3. Keluarkan penutup lampu belakang dengan mengeluarkan skrunya.




1. Penutup lampu belakang
2. Skru


4. Keluarkan penanggal cepat dan skrunya.



1. Penanggal cepat




1. Skru
2. Penanggal cepat



1. Skru
2. Penanggal cepat


5. Tarik ke arah luar penutup tepi kiri dan kanan dan menarik lampu belakang ke atas.

PENYELENGGARAAN BERKALA DAN PENYELARASAN




1. Lampu belakang
2. Penutup tepi

6. Keluarkan soket mentol lampu belakang (bersama dengan mentol) dengan memutarkannya ke arah lawan jam.




1. Soket lampu belakang

7. Cabut keluar mentol lampu yang terbakar.



1. Mentol lampu belakang
8. Pasangkan mentol baru pada soket mentol.
9. Pasangkan soket (bersma dengan mentol) dengan memutarkannya ke arah jam.
10. Letakkan lampu belakang ke posisi asalnya, dan kemudian pasangkan skru dan penanggal cepat.
11. Pasang penutup lampu belakang dengan memasang skrunya.



12. Pasang semula bar pemegang dengan memasang bolt dan kemudian ketatkannya dengan tork yang disyorkan.

Tightening torque:


Grab bar bolt:
17 Nm (1.7 m-kgf, 12 ft-lbf)

7. Tutup tempat duduk.

PENYELENGGARAAN BERKALA DAN PENYELARASAN


Menganti mentol lampu isyarat depan

1. Letakkan motosikal pada pangsi tengahnya.
2. Tanggalkan soket mentol lampu isyarat (bersama mentolnya) mengikut arah lawan jam.



1. Soket lampu isyarat memusing

3. Menarik keluar mentol yang terbakar.




1. Lampu isyarat memusing

4. Masukkan mentol baru dalam soket.
5. Pasang soket (bersama mentol) dengan mengikut arah jam.

Menganti mentol lampu isyarat belakang


1. Buka tempat duduk (lihat m/s 4-14)
2. Keluarkan bar pemegang dengan mengeluarkan skrunya.




1. Bar pemegang
2. Bolt

3. Keluar penutup lampu belakang dengan mengeluarkan skrunya.


PENYELENGGARAAN BERKALA DAN PENYELARASAN




1. Penutup lampu belakang
2. Skru
4. Tanggalkan soket mentol lampu isyarat dengan memusing (bersama mentolnya) kearah lawan jam.



1. Socket lampu isyarat memusing
5. Menarik keluar mentol yang terbakar.



1. Mentol lampu isyarat memusing
6. Masukkan mentol baru dalam soket.
7. Pasang soket (bersama mentol) dengan arah mengikut jam.
8. Pasang semula penutup lampu belakang dengan memasang skrunya.



9. Pasang semula bar pemegang dengan memasang bolt dan kemudian ketatkannya dengan tork yang disyorkan.

Tightening torque:

Grab bar bolt:
17 Nm (1.7 m-kgf, 12 ft-lbf)

10. Tutup tempat duduk.

PENYELENGGARAAN BERKALA DAN PENYELARASAN

Penentuan masalah

Walaupun motosikal Yamaha melalui pemeriksaan yang rapi sebelum dikeluarkan dari kilang, namun masalah mungkin akan berlaku semasa operasi. Masalah didalam bahan api, kementerian atau sistem injak adalah contoh yang boleh mendatangkan masalah menghidupkan enjin dan kehilangan kuasa.

Rajah penentuan masalah memberikan penerangan prosedur pemeriksaan yang cepat dan mudah. Sekiranya motosikal anda perlu diperbaiki, dapatkan wakil Yamaha untuk membaikinya kerana mereka mempunyai peralatan, pengalaman dan kemahiran untuk memberikan perkhidmatan yang terbaik.

Hanya gunakan alat-alat tulen Yamaha untuk motosikal anda. Alat tiruan mungkin serupa dari segi bentuk tetapi kualitinya kurang dan jangka hayat penggunaan yang pendek dan akan membawa kepada kos pembaikan yang lebih tinggi.

AMARAN


Semasa memeriksa bahan api, anda dilarang sama sekali merokok dan pastikan tiada pembakaran atau percikan api berdekatan, termasuklah lampu penunjuk dari pemanas air atau relau. Petrol atau wap petrol mudah terbakar atau meletup, ia boleh melecur anggota badan atau mungkin merosakkan harta benda.

PENYELENGGARAAN BERKALA DAN PENYELARASAN


Carta penentuan masalah

Masalah menghidupkan enjin atau pretasi enjin kurang memuaskan.


1. Bahan api




2. Bateri



3. Penghidup



4. Kemampuan




PENYELENGGARAAN BERKALA DAN PENYELARASAN

Suhu enjin pada tahap kritikal

⚠️ AMARAN

- Jangan membuka penutup radiator semasa enjin dan radiator panas. Cecair panas dan wap boleh keluar di bawah tekanan tinggi dan boleh menyebabkan kecederaan serius. Pastikan anda menunggu sehingga enjin sejuk.
- Letakkan sehelai kain tebal, contoh tuala di atas penutup radiator dan kemudian perlahan-lahan membuka penutup untuk memlepaskan semua tekanan sisa didalam. Bila bunyi mendesis telah berhenti, tekan ke bawah penutup sambil memutarnya berlawanan, dan kemudian keluarkan penutup.



TIP

Sekiranya tidak terdapat bahan penyejuk, air paip boleh juga digunakan untuk sementara dan kemudian diisi semula dengan bahan penyejuk.

PENJAGAAN DAN PENYIMPANAN MOTOSIKAL

Behati-hati dengan warna matt

PERHATIAN

Sesetengah modal disemburkan dengan cat warna matt. Sila berhati-hati dan memdapatkan bantuan wakil Yamaha untuk mengetahui jenis bahan cucian yang sesuai untuk motosikal anda. Jangan menggunakan berus, bahan kimia dan bahan pembersih yang tidak bersesuaian apabila membersihkan motosikal kerana ia akan menyebabkan kerosakan dan tanda cakar di permukaan. Pelincin wax juga tidak boleh digunakan ke atas cat warna matt.

Penjagaan

Reka bentuk motosikal yang semakin terbuka menunjukkan daya tarikan teknologi, tetapi ini juga menyebabkan motosikal mempunyai daya tahan lasak yang lebih rendah. Sungguhpun komponen yang berkualiti tinggi digunakan, pengawatan dan hakisan tetap akan berlaku. Paip ekzos yang karat mungkin tidak dapat diperhatikan pada kereta tetapi ia akan menjejaskan imej untuk sesebuah motosikal kerana ia dapat dilihat dengan jelas. Penjagaan selalu dan menyeluruh tidak hanya patuh kepada syarat-syarat jaminan tetapi juga akan mengekalkan rupa, melanjutkan hayat kegunaan dan mengoptimalkan pretasi motosikal.

Sebelum pembersihan

1. Tutup salur keluaran ekzos dengan beg plastik selepas enjin dalam berkeadaan sejuk.
2. Pastikan semua penutup dan penyambungan elektrik, termasuk penutup palam pencucuh dipasangkan dengan ketat.
3. Tanggalkan kotaran seperti kesan minyak terbakar pada peti engkol dengan menggunakan ejen pencuci anti-gris, dan berus, tetapi jangan gunakan pada seal, kasket,

dan rod roda. Selalu basuh kekotoran dan anti-gris dengan air.

Pembersihan

PERHATIAN

- Elak menggunakan ejen pencuci roda berasid kuat terutamanya pada roda berjejari. Sekiranya produk ini yang digunakan untuk menanggalkan kesan kotoran, jangan biarkan pencuci di tempat berkenaan lebih lama daripada yang disyorkan. Juga, basuh bahagian tersebut dengan air secukupnya, keringkan serta merta dan kemudian sapukan dengan ejen penanggal karat.
- Pembersihan yang tidak sesuai akan mengakibatkan kerosakan pada bahagian plastik (spt. cowlings, panel, skrin penghalang angin, kanta lampu, kanta meter dan sebagainya) dan pelindung. Gunakan hanya kain yang lembut, bersih atau span dan air untuk membersihkan bahagian plastik. Jika kotoran tidak dapat ditanggalkan, boleh menggunakan sedikit bahan pembersih tapi ingati membelasnya.

PENJAGAAN DAN PENYIMPANAN MOTOSIKAL

- Jangan gunakan sebarang bahan kimia yang tidak bersesuaian terhadap komponen-komponen plastik. Hindarkan daripada penggunaan kain atau span yang mempunyai bahan pencuci yang kuat, pelarut, bahan api (minyak petrol), ejen penanggal atau anti-karat, cecair brek, ejen anti-beku atau elektrolit.
- Jangan guna pembasuh tekanan tinggi atau stim jet kerana ia akan menyebabkan resapan air dan kemerosotan pada bahagian-bahagian berikutnya: penutup (untuk roda dan bering swingarm, cabang hadapan dan brek), komponen elektrik (soket, penyambung dan lampu-lampu), saluran hembusan, dan lubang angin.
- Untuk motosikal yang dilengkapi dengan pelindung angin, jangan gunakan ejen pencuci yang kuat atau span yang kasar dimana ia akan mengakibatkan pudar dan calar. Sesetengah sebatian pembersih untuk plastik mungkin meninggalkan calar terhadap pelindung angin.

Sebelum menggunakannya, cuba ejen pencuci di tempat terlindung pada pelindung angin. Sekiranya pelindung angin calar, gunakan sebatian mengilap yang berkualiti untuk menghilangkan calar.

Selepas penunggangkan biasa

Tanggalkan kotoran dengan air suam, pencuci yang lembut, dan span yang lembut dan bersih, kemudian bilas secukupnya dengan air yang bersih. Gunakan berus gigi atau berus botol pada bahagian yang sukar dicapai. Kotoran dan serangga akan ditanggalkan dengan mudah sekiranya bahagian tersebut ditekup dengan kain basah untuk beberapa minit sebelum pembersihan.

Selepas penunggangkan dalam hujan berhampiran laut.

Disebabkan garam laut apabila bercampur dengan air menjadikannya agent penghakis, jalankan langkah berikut selepas menunggangnya di hari hujan atau berhampiran laut.

1. Basuh motosikal dengan air sejuk dan pencuci lembut, selepas enjin sejuk.

Perhatian: Jangan gunakan air suam kerana air suam akan meningkatkan tindakbalas hakis terhadap garam.

2. Dapatkan semburan pelindung hakis terhadap semua logam, termasuk permukaan yang bersalut dengan krom dan nikel, untuk mencegah hakis.

Pembersihan cermin depan

Jangan menggunakan agen berasaskan alkalin atau acid, bahan api, cecair brek atau sebarang cecair untuk menjalankan pembersihan. Bersihkan cermin depan dengan menggunakan kain atau span bersama bahan agen berasaskan neutral, dan kemudian bilas dengan air. Untuk pembersihan yang lebih efektif, gunakan pembersih cermin Yamaha atau jenis lain yang berkualiti. Seseengah bahan pencuci mungkin akan mencelarkan cermin, sila uji dahulu sebelum menggunakannya.

Selepas pembersihan

1. Keringkan permukaan dengan "chamois" atau kain yang menyerap.
2. Gunakan pengilap krom untuk mengilatkan krom, aluminium, dan komponen-komponen dari stainless steel, termasuk sistem ekzos

PENJAGAAN DAN PENYIMPANAN MOTOSIKAL

(Pelunturan warna melalui terma untuk komponen dari stainless steel juga boleh ditanggalkan melalui pengilatan.)

3. Untuk mencegah hakisan adalah disyorkan untuk menggunakan semburan pelindung hakisan terhadap semua logam termasuk permukaan yang disalutkan dengan krom dan nikel.
4. Gunakan semburan minyak sebagai pembersih serbaguna untuk mananggalkan sebarang kotoran yang tertinggal.
5. Menghilangkan kesan calar kecil pada cat yang disebabkan oleh batu dan sebagainya.
6. Mengilatkan semua permukaan yang bercat.
7. Motosikal dikeringkan sepenuhnya sebelum disimpan atau ditutup.

8

AMARAN

Kekotoran pada tayar dan brek motosikal boleh menyebabkannya hilang kawalan.

- Pastikan tidak ada minyak atau lilin pada brek atau tayar. Sekiranya perlu, bersihkan disk brek dan pad brek dengan menggunakan pembersih disk brek biasa atau aseton, dan bersihkan tayar tersebut dengan air suam dan pencuci yang lembut.

- Sebelum mengendali motosikal tersebut, uji keberkesanan brek dan sifat membelok motosikal.

PERHATIAN

- Gunakan semburan minyak dan penyembur penggilap dan pastikan kelebihannya dilap bersih.
- Jangan gunakan minyak atau penggilap pada sebarang komponen getah dan plastik atau lampu depan, lampu belakang dan kanta meter tetapi gunakan produk penjagaan yang bersesuaian.
- Elakkan daripada penggunaan sebatian penggilap yang keras seperti mana mereka akan melunturkan cat.

TIP

- Dapatkan wakil Yamaha untuk pendapat mengenai produk yang sesuai digunakan.
- Membersih pada hari hujan atau cuaca yang lembab boleh menyebabkan kanta lampu hadapan menjadi kabur. Menyalakan lampu hadapan untuk seketika akan membantu menghilangkan kelembapan pada kanta.

Penyimpanan

Jangka masa pendek

Simpan motosikal anda pada tempat yang dingin dan kering, dan sekiranya perlu, lindungkannya daripada habuk dengan pelindung poros. Pastikan enjin dan ekzos dalam keadaan sejuk sebelum disimpan atau ditutup.

PERHATIAN

- Motosikal yang disimpan dalam bilik dimana pengaliran udaranya kurang baik atau terlindung dengan kain tebal, sementara motosikal masih basah, akan menyebabkan air dan kelembapan meresap masuk dan mengakibatkan pengurangan pada motosikal.
- Untuk mencegah pengurangan, elakkan menyimpan motosikal dalam bilik bawah tanah yang lembap, bangsal (disebabkan kehadiran ammonia) dan ditempat yang terdapat bahan kimia yang kuat.

Jangka masa panjang

Sebelum penyimpanan motosikal anda untuk beberapa bulan:

1. Ikut arahan didalam seksyen "Penjagaan " pada bab ini.

PENJAGAAN DAN PENYIMPANAN MOTOSIKAL

2. Isikan tangki bahan api dan letakkan penstabil bahan api (sekiranya boleh didapati) untuk mencegah tangki bahan api daripada proses pengaratan dan juga kemerosotan kualiti bahan api.
3. Lakukan langkah-langkah berikut untuk melindungi silinder, gelang piston, dan sebagainya daripada pengaratan.
 - a. Tanggalkan penutup palam pencucuh dan palam pencucuh.
 - b. Tuangkan sedikit minyak enjin melalui lubang palam pencucuh pada kepala silinder.
 - c. Pasangkan penutup palam pencucuh pada palam pencucuh dan ikat palam pencucuh ke dalam kepala silinder supaya elektrod terlindung. (Ini akan mengurangkan percikan api semasa langkah seterusnya.)
 - d. Hidupkan enjin beberapa kali dengan penghidup. (Ini akan melapiskan dinding silinder dengan minyak enjin yang dituang tadi)
 - e. Tanggalkan penutup palam pencucuh daripada palam pencucuh, dan kemudian pasang semula palam pencucuh dan penutup palam pencucuh.

AMARAN! Untuk mencegah kerosakan disebabkan oleh percikan api, pastikan elektrod telah dibumikan semasa menghidupkan enjin.

4. Lincirkan semua kabel kawalan, paksi-paksi untuk semua tuil dan pedal, juga pangsi sisi dan pangsi tengah.
5. Periksa dan sekiranya perlu, laraskan tekanan angin tayar, dan letakkan motosikal dalam keadaan kedua-dua roda tidak mencecah permukaan lantai. Walaupun gerakan roda sedikit setiap bulan untuk mencegah tayar tersebut daripada rosak pada satu bahagian.
6. Lindungi saluran keluaran ekzos dengan beg plastik untuk mencegah kelembapan.
7. Keluarkan bateri dan caskan semula. Simpan di tempat kering dan cas semula sekali sebulan. Jangan simpan bateri di tempat yang terlalu panas atau sejuk (kurang daripada 0°C (30°F) atau lebih daripada 30°C (90°F). Untuk informasi yang selanjutnya, lihat muka surat 7-26.

TIP

Memperbaiki bahagian-bahagian yang perlu sebelum menyimpan motosikal.

SPESIFIKASI

Dimensi:

Panjang keseluruhan:
1955 mm (77.0 in)
Lebar keseluruhan:
740 mm (29.1 in)
Tinggi keseluruhan:
1115 mm (43.9 in)
Tinggi tempat duduk:
765 mm (30.1 in)
Asas roda:
1350 mm (53.1 in)
Kelekaan lantai:
135 mm (5.31 in)
Minima pusingan radius:
2.0m (6.56 ft)

Berat:

Berat curb:
127 kg (280 lb)

Enjin:

Aliran mampatan:
4 Lejang
Sistem penyejutkan:
Cecair penyejuk
Injap:
SOHC
Kuantiti silender:
Satu silender
Anjakan:
155 cm³
Ruang lubang x lejang:
58.0 x 58.7 mm (2.28 x 2.31 in)
Nisbah mampatan:
10.5:1

Permulaan sistem:
Penghidup elektrik
Sistem pelinciran
Basah

Minyak enjin:

Jenama yang disyorkan:
YAMALUBE AT ELITE
SAE gred viskositi
10W-40
Gred minyak enjin yang disyorkan:
API servis jenis SG atau yang
lebih tinggi, JASO bertaraf MA
atau MB
Kapasiti minyak enjin:
Penukaran minyak
0.9 L (0.95 US qt, 0.79 Imp.qt)

Minyak transisi terakhir:

Jenis:
Minyak motor SAE 10W-30 jenis
SE atau yang lebih tinggi atau
Minyak gear SAE 85W GL-3
Kuantiti:
0.15 L (0.16 US qt, 0.13 Imp.qt)

Kuantiti penyejuk:

Kapasiti takungan penyejuk (sehingga
ke paras maksima):
0.25 L (0.26 US qt, 0.22 Imp.qt)
Kapasiti radiator (termasuk semua):
0.46 L (0.49 US qt, 0.40 Imp.qt)

Penapis udara:

Elemen penapis minyak
Elemen kertas dilapisi minyak

Bahan api:

Bahan api disyorkan:
Petrol tanpa plumbum (Gasohol E[10])
Kapasiti tangki bahan api:
6.6 L (1.7 US gal, 1.5 Imp.gal)
Jumlah bahan api simpanan:
1.4 L (0.37 US gal, 0.31 Imp.gal)

Sistem injak:

Badan pendikit:
Tanda ID:
2DP1 00

Palam pencucuh:

Buatan/modal:
NGK/CR8EA-9
Celah palam pencucuh:
0.8–0.9 mm (0.031–0.035 in)

Klutch:

Jenis klutch:
Kering, sentrifikal, cakara

Jenis Pengerak:

Nisbah pengurangan:
1.000
Tunggangan akhir:
Gear
Nisbah pengurangan kedua:
10.208 (56/16 x 35/12)
Jenis transmisi:
V-belt automatik

Rangka:

Jenis rupa:
Underbone
Sudut caster:
26.0°
Trail:
92 mm (3.6 in)

Tayar depan:

Jenis:
Tanpa tiub
Saiz:
110/70-13M/C 48P
Buatan/modal:
IRC/SS-570F

Tayar belakang:

Jenis:
Tanpa tiub
Saiz:
130/70-13M/C 63P
Buatan/modal:
IRC/SS-560R

Muatan:

Berat maksima:
168 kg (370 lb)
(Jumlah berat penunggang,
pembonceng, kargo dan aksesori)

Tekanan angin tayar (semasa sejuk):

1 orang:
Depan:
150 kPa (1.50 kgf/cm², 22 psi)
Belakang:
250 kPa (2.50 kgf/cm², 36 psi)
2 orang:
Depan:
150 kPa (1.50 kgf/cm², 22 psi)
Belakang:
250 kPa (2.50 kgf/cm², 36 psi)

Roda depan:

Jenis roda:
Roda cast

Sais rim:
13M/C x MT3.00

Roda belakang

Jenis roda:
Roda cast
Sais rim:
13M/C x MT3.5

Brek depan:

Jenis:
Cakara brek tunggal hidraulik
Spesifikasi cecair brek:
YAMAHA GENIUNE BRAKE FLUID(DOT 4)

Brek belakang:

Jenis:
Cakara brek tunggal hidraulik
Spesifikasi cecair brek:
YAMAHA GENIUNE BRAKE FLUID(DOT 4)

Suspensi depan:

Jenis:
Cabang teleskopik
Jenis spring:
Spring mellilit
Penyerap hentak:
Hidraulik
Perjalanan roda:
100 mm (3.9 in)

Suspensi belakang:

Jenis:
Swingarm
Jenis spring:
Spring mellilit
Penyerap hentak:
Hidraulik

Perjalanan roda:
90 mm (3.5 in)

Sistem elektrik:

Sistem voltan:
12V
Sistem injap:
TCI
Sistem janakuasa:
AC magneto

Bateri:

Modal:
YTZ7V
Voltan, kapasiti:
12 V, 6.0 Ah (10 HR)

Voltan mentol x kuantiti:

Lampu depan:
LED
Lampu brek belakang:
LED/10.0 W x 1
Lampu isyarat depan:
10.0 W x 2
Lampu isyarat belakang:
10.0 W x 2
Lampu bantuan:
5.0 W x 2
Lampu meter:
LED
Lampu meter (Meter bahan api):
LED
Lampu penunjuk pancaran tinggi:
LED
Lampu penunjuk isyarat arah:
LED

SPESIFIKASI

Lampu amaran penyejut minyak:

LED

Lampu amaran masalah enjin:

LED

* Lampu amaran ABS:

LED

Fius:

Fius utama:

15.0 A

Fius utama 2:

7.5 A

Fius lampu belakang:

7.5 A

Fuis sistem isyarat:

7.5 A

* Fuis sistem pengawasan ABS:

7.5 A

* Fius motor ABS:

30.0 A

* Fius ABS soleniod:

15.0 A

PERHATIAN


Nombor pengenalan

Catatkan nombor motosikal dan maklumat pengenalan modal di dalam ruang yang tersedia di bawah untuk kemudahan menempah barang-barang alat-ganti daripada wakil Yamaha atau untuk rujukan sekiranya motosikal dicuri.

NOMBOR PENGENALAN MOTOSIKAL:

NOMBOR SIRI ENJIN:

Nombor pengenalan motosikal




1. Nombor pengenalan motosikal

Nombor pengenalan motosikal dicap di rangka dibawah tempat duduk pembonceng.

TIP

Nombor pengenalan ini digunakan untuk mengenalpasti tuanpunya motosikal dan juga boleh digunakan untuk mendaftar motosikal dengan penguatkuasa perlesenan di kawasan anda.

Nombor siri enjin



1. Nombor siri enjin

Nombor siri enjin dicapkan di krankcase.

YAMALUBE®

Pelincir Tulen Yamaha



PELINCIR MOTOSIKAL BERPRESTASI TINGGI